

Volume V
No. 34



Monday
30th December, 1963

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

BILL:

The Supply Bill, 1964—

Committee of Supply (Fifth Allotted Day)—

Heads S. 15, S. 66D and S. 67AA [Col. 3581]

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH THOR BENG CHONG, A.M.N., PENCHETAK KERAJAAN
KUALA LUMPUR

1964

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fifth Session of the First Dewan Ra'ayat

Monday, 30th December, 1963

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister of Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.D.K. (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, DATU MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF, P.D.K. (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

- The Honourable ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).
- „ TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ O. K. K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' AWANG DAUD BIN MATUSIN (Sarawak).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' HONG TECK GUAN (Sabah).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).

- The Honourable ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN (Sarawak).
- „ ENCHE' JHUMAH BIN SALIM (Sabah).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' CHARLES LINANG (Sarawak).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ O. K. K. HAJI MAHALI BIN O. K. K. MATJAKIR, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. DUN BIN BANIR, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR (Sarawak).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ENCHE' ABANG OTHMAN BIN ABANG HAJI MOASILI (Sarawak).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, J.P. (Rembau Tampin).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ ENCHE' SONG THIAN CHEOK (Sarawak).

- The Honourable DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
- „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Information and Broadcasting, Y. T. M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Assistant Minister of Rural Development (Sarawak), ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN (Muar Selatan).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).

The Honourable DR GOH KENG SWEE (Singapore).

- „ ENCHE' HO SEE BENG (Singapore).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LING BENG SIEW (Sarawak).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIM KIM SAN (Singapore).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' PETER J. MOJUNTIN, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
- „ ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED, K.M.N. (Kemaman).
- „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).

PRAYERS

(Mr Speaker *in the Chair*)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1964

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Fifth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker *in the Chair*)

Heads S. 15, S. 66D, S. 67AA—

The Minister of Education (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan supaya mengambil Kepala² Perbekalan bagi Malaya S. 15, Sabah S. 66D, dan Sarawak S. 67AA sa-kali gus.

Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan supaya Kepala Perbekalan S. 15 sa-banyak \$256,524,792 bagi negeri² di-Malaya, dan begitu juga

Kepala Perbekalan S. 66D sa-banyak \$12,701,570 bagi negeri Sabah, dan Kepala Perbekalan S. 67AA sa-banyak \$15,785,383 bagi negeri Sarawak bagi tahun 1964 Kementerian Pelajaran di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, ini ada-lah pada pertama kali-nya tuan yang di-Dewan ini bersidang membahath Belanjawan Pelajaran meliputi seluruh wilayah yang baharu sahaja berchantum menjadi Malaysia melainkan Singapura, yang Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini sedia maalum, mempunyai otonomi di-dalam bidang pelajaran. Anggaran Perbelanjaan bagi pelajaran untuk negeri² di-Malaya ada-lah di-letakkan di-bawah Kepala Perbekalan 15 dan bagi Sabah dan Sarawak di-bawah Kepala² Perbekalan 66D dan 67AA. Dengan izin tuan, saya suka menumpukan ulasan saya sekarang ini kepada Anggaran Perbelanjaan mengenai pelajaran negeri² di-Malaya dan sa-sudah itu baharu-lah

saya akan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pelajaran bagi Sabah dan Sarawak.

Ahli² Yang Berhormat tentu-lah maseh ingat ia-itu pada masa Persidangan Belanjawan dalam Dewan Ra'ayat yang telah di-adakan pada akhir tahun 1962, sa-jumlah wang sa-banyak \$230 juta telah di-luluskan untuk Kementerian saya bagi perbelanjaan dalam tahun 1963. Saya telah pun membayangkan ia-itu jumlah ini yang merupakan penambahan chuma 3% sahaja daripada apa yang telah di-luluskan bagi tahun 1962 mungkin tidak menchukupi memandang kapada bebanan yang berat yang di-pikul oleh Kementerian saya; dan saya juga telah menyatakan harapan supaya Yang Berhormat rakan saya Menteri Kewangan, jika di-dapati mustahak, akan dapat menguntokkan wang tambahan bagi membolehkan Kementerian saya menyelesaikan kerja² sa-berapa yang dapat. Keperchayaan saya terhadap rakan saya ini tidak-lah menghampakan kerana satu peruntokan tambahan yang berjumlah sa-banyak \$14 juta telah pun di-luluskan oleh Dewan ini beberapa hari yang lalu.

Jumlah anggaran perbelanjaan yang telah di-luluskan oleh Dewan ini bagi Kementerian saya untuk tahun yang ada ini kesemua-nya berjumlah sa-banyak \$244 juta. Jumlah ini merupakan tambahan hampir 11% daripada jumlah wang \$223.5 juta yang telah di-luluskan bagi tahun 1962. Jumlah wang yang di-minta bagi tahun 1964 ia-lah sa-banyak \$256 juta dan ini merupakan hanya penambahan kurang sedikit daripada 5%. Sunggoh pun ini ada-lah penambahan yang kecil jika di-bandingkan dengan penambahan yang di-benarkan bagi tahun 1962 dan 1963, Kementerian saya sanggop menerima jumlah ini dan saya perchaya, apabila mustahak Yang Berhormat rakan saya, Menteri Kewangan tentu sekali tampil bagi menolong Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan, pelajaran di-dalam negeri ini sedang menghadapi melalui tingkatan perkembangan yang hebat. Bilangan

murid² di-dalam sekolah ada-lah terus-menerus bertambah dengan sa-begitu chepat semenjak kita chapai kemerdekaan. Ini ada-lah dapat di-buktikan ia-itu jumlah murid² di-dalam sekolah telah bertambah daripada 992,000 menjadi 1,162,000 di-antara 1957 dan 1960 yang menunjukkan penambahan lebeh daripada 17% dan sa-lepas itu pun telah terus bertambah pukul rata sa-banyak 4.3% pada tiap² tahun dan ini ada-lah satu angka yang sangat tinggi. Salah satu sebab-nya ia-lah pada pertama kali-nya, pelajaran rendah perchuma telah di-lancharkan bagi seluroh murid² yang chukup umur untuk bersekolah dalam tahun 1962. Jumlah murid² dalam semua bentuk sekolah² rendah pada masa ini ia-lah sa-banyak 1,178,000 dan ada-lah lebeh daripada 80% jumlah murid² di-dalam gulungan chukup umur untuk sekolah rendah, dan jumlah bilangan murid² di-dalam Darjah satu ia-lah sa-banyak 94% daripada jumlah murid² yang termasuk di-dalam kumpulan umur itu.

Dengan penjelasan saya yang serba-rengkas, Tuan Yang di-Pertua, Tuan, saya sekarang akan menyentuh pada umum-nya kemajuan yang telah di-chapai oleh Kementerian saya dalam tahun 1963 dan saya akan menunjukkan tujuan dan chita² kita bagi tahun yang akan datang. Saya juga akan sebut di-mana perlu akan kerumitan² yang di-hadapi dalam melaksanakan tugas yang berat yang telah di-letakkan kapada Kementerian saya bagi memberi pelajaran kapada angkatan anak² muda kita supaya apabila mereka besar kelak, mereka akan menjadi ra'ayat yang berguna dan bertanggung-jawab.

Tuan, salah satu kemajuan yang terpenting sekali dalam tahun ini ia-lah bagi mengadakan Darjah Pre-University bagi murid² Melayu di-Sekolah Alam Shah, Cheras Road, sa-bagai usaha lanjutan akibat daripada Pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran yang telah di-adakan pada pertama kali-nya melalui Bahasa Pengantar Melayu pada tahun lalu. Di-dalam darjah ini mengandongi sa-jumlah 27 orang murid lelaki dan 8 orang murid perempuan sedang

di-beri kursus persediaan bagi menempoh peperiksaan khas untuk masuk Universiti Malaya dalam tahun 1965. Ini merupakan kejayaan kemunchak selagi ada pelajaran dalam bahasa pengantar Melayu di-kaitkan dan ini ada-lah menjadi bukti yang nyata akan azam dan chita² Kementerian saya bagi menjayakan pelajaran menengah melalui Bahasa Kebangsaan dan meletakkan-nya sa-imbang dengan tingkatan kemajuan yang telah di-chapai oleh Sekolah² Inggeris yang telah lama tumbuh. Nampak-nya ibu-bapa murid² Melayu sudah mulai insaf akan hal ini dan mereka ada-lah memberi sokongan kepada Kementerian yang menunjukkan penambahan murid² yang mengikuti kursus di-dalam Sekolah² Menengah Kebangsaan sepanjang beberapa tahun yang lampau ini. Jika di-bandingkan dengan tahun yang lalu, hampir 7,000 orang murid telah bertambah menjadikan jumlah bilangan murid² yang sedang mengikuti pelajaran di-dalam Sekolah² Menengah Melayu sa-banyak 20,135 orang. Ini saya perchaya Ahli² Yang Berhormat sakalian tentu-lah bersetuju yang ia-nya ada-lah satu kejayaan yang harus mendapat kepujian terutama sekali jika kita ingat apabila mula² sekali pelajaran menengah melalui bahasa pengantar Melayu ini di-lancharkan dalam tahun 1958, chuma ada sa-banyak 631 orang murid di-dalam darjah² Tingkat I.

Saya terpaksa menyebut, ia-itu dengan ada-nya Darjah² Tingkat VI melalui bahasa pengantar Melayu yang akan membolehkan murid² mengikuti Kursus di-Universiti Malaya kita telah menghadapi masa'alah² yang rumit serta complex. Kerumitan yang besar sekali ia-lah berkenaan dengan kekurangan buku² yang sesuai dan lain² bahan bacaan untuk di-gunakan dalam Darjah² Arts dan Sains di-semua peringkat dalam pelajaran menengah dan juga Post Secondary. Ada-lah terang dan nyata ia-itu guru² dan pemereksa² yang berkecukupan di-dalam dua bahasa ia-itu Bahasa Melayu dan Inggeris sangat-lah mustahak, lebeh² lagi di-dalam kursus mengenai mata-pelajaran² teknikal. Kementerian saya pada masa ini

ada-lah sedang memerhatikan masa'alah² ini bagi mengatasi-nya sa-chepat mungkin; tetapi masa'alah² ini tidak dapat-lah di-selesaikan dengan sekelip mata.

Kementerian saya ada-lah meneruskan dan melipat-gandakan usaha²-nya bagi meninggikan darjat pelajaran di-Sekolah² Kebangsaan. Hasil daripada usaha² ini, bilangan Pusat² Pandang Dengar untuk Sekolah² Kebangsaan telah meningkat dua kali ganda pada tahun ini; keutamaan telah pun di-beri kepada pembenaan Sekolah² Kebangsaan baharu; kursus waktu chuti untuk guru² Sekolah Kebangsaan terus-menerus mendapat sokongan yang baik; dan lebeh banyak lagi jumlah buku² bacaan telah di-untukkan kepada Sekolah² Rendah Kebangsaan. Saya dengan segala sukachita-nya melaporkan ia-itu keputusan Peperiksaan masuk ka-Sekolah Menengah murid² dari Sekolah Kebangsaan dalam tahun 1962 telah beransor baik.

Ahli² Yang Berhormat tentu-lah ingat pada tahun yang lalu saya telah melaporkan berkenaan dengan pelantikan sa-buah Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi bagi mengkaji kemudahan² yang ada pada masa ini bagi pelajaran "Post Secondary" dan pelajaran tinggi supaya membuat shor² yang membena untuk menyediakan kemudahan² tadi memandang kepada keperluan² berdasarkan keadaan kewangan bagi negeri ini. Jawatan-kuasa ini telah pun mengadakan meshuarat beberapa kali dan satu perhitungan tenaga manusia (manpower) telah pun di-selenggarakan oleh Jabatan Perangkaan bagi pehak Jawatan-kuasa itu telah siap baharu² ini. Penaksiran ini sedang di-pertimbangkan oleh Jawatan-kuasa itu dan ada-lah di-harapkan kerja²-nya dapat di-siapkan dalam pertengahan tahun hadapan dan sa-lepas itu Jawatan-kuasa tersebut akan mengemukakan penyata-nya kepada Kerajaan untuk pertimbangan. Saya suka menyatakan di-sini ia-itu sokongan yang telah di-beri oleh orang awam sangat-lah memuaskan jika di-tinjau dari segi jumlah Memorandum yang telah di-terima daripada berbagai² badan awam dan

"private" dan juga dari orang² persaorangan dan saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih saya kepada mereka itu.

Di-dalam bidang Pelajaran Khas, sukachita saya menyatakan ia-itu "phase" pertama dari Ranchangan Tiga Tahun bagi menempatkan murid² buta yang di-pilih khas di-sekolah² biasa telah pun selesai dan mendapat kejayaan. Pada masa ini ada enam ranchangan berhubung dengan projek ini yang sedang berjalan di-seluruh negeri, sa-lain daripada melateh guru² untuk pelajaran khas ini di-Maktab Perguruan Ilmu Khas, di-Cheras Road, Kuala Lumpur, bersama² dengan perkembangan ini, murid² pekak juga di-tempatkan di-dalam sekolah² murid² biasa. Pada masa ini ada sa-banyak 24 darjah² sa-umpama itu di-seluruh negeri dan ada-lah di-chadangkan ia-itu darjah² sa-jumlah itu juga akan di-adakan pada tahun hadapan.

Sekolah² Lanjutan Kampong untuk murid² perempuan akan di-mulakan pada pertama kali-nya pada permulaan tahun 1964 apabila 4 buah sekolah² sa-umpama itu di-buka pada permulaan tahun hadapan. Akhir-nya ada-lah menjadi chita² Kementerian bagi mengadakan sa-kurang²-nya sa-buah sekolah untuk murid² lelaki dan perempuan di-tiap² negeri untuk kepentingan murid² di-Kawasan Luar Bandar. Ini tidak-lah termasuk Sekolah² Menengah Teknikal dan Pertukangan yang sedia ada.

Sekolah² Pelajaran Lanjutan telah sampai ka-peringkat kursus sa-tahun yang kedua. Sa-buah Jawatan-kuasa yang telah di-bentok bagi menimbangkan kedudukan sekolah² ini telah menyampaikan penyata-nya dan penyata itu sedang di-kaji oleh Kerajaan.

Pada tahun yang lalu saya telah melaporkan ia-itu sa-jumlah 57 buah Sekolah² Menengah China telah menukar chorak bagi mendapat bantuan. Angka ini telah bertambah menjadi 59 buah. Bagi sekolah² ini, tahun ini ada-lah tahun untuk mereka memperkemas dan menyesuaikan keadaan sekolah masing². Perhatian telah pun di-beri dalam hal menempatkan guru² yang terlatah kepada

sekolah² itu dan dasar ini akan di-teruskan pada tahun 1964.

Di-samping Kerajaan mengadakan langkah dengan sa-bberapa daya-upaya dengan meninggikan darjat Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris di-sekolah² yang mendapat bantuan, Kerajaan juga ada-lah menepati janjinya bagi mengekalkan kebudayaan dan bahasa kaum² yang berlainan di-dalam Malaysia, dan dari segi ini Kementerian saya telah pun mengambil daya-usaha mempelawa kepada ibu-bapa China dan Tamil kemudahan² bagi mendapat pelajaran yang khas di-dalam bahasa² itu di-Sekolah² Rendah dan Menengah yang mendapat bantuan untuk anak² mereka, sedangkan pada dahulu-nya "initiative" ini sa-harus-nya datang daripada ibu-bapa sendiri.

Kementerian saya juga menyediakan beberapa buah biasiswa dan hadiah² latehan pada tiap² tahun, elok-lah juga jika di-sebutkan berkenaan dengan biasiswa² yang di-sediakan bagi murid² Melayu yang berbakat di-Sekolah² Rendah dan juga di-tingkatan Form VI dengan maksud bagi menolong murid² yang cherdek pandai yang berkehendakkan bantuan kewangan supaya mereka dapat meneruskan pelajaran mereka. Berhubung dengan perkara ini, peruntukan sa-banyak \$1,050,000 ada-lah di-minta untuk Biasiswa Kechil Persekutuan bagi tahun 1964 di-bandingkan dengan \$990,000 untuk tahun ini. Bilangan murid² yang mene'mati biasiswa ini ia-lah sa-ramai 2,859. Biasiswa² Pre-Universiti ada-lah di-sediakan untuk murid² yang belajar di-dalam Form VI dengan harapan supaya mereka dapat melayakkan diri untuk mendapat pelajaran di-Tingkatan Universiti dan bagi mencapai chita² tersebut, sa-jumlah wang sa-banyak \$640,000 ada-lah di-minta dalam tahun 1964 di-bandingkan sa-banyak \$450,000 dalam tahun 1963. Bilangan murid² yang menerima biasiswa ini berjumlah sa-banyak 601 orang.

Sa-lain daripada itu, Kementerian saya juga menyediakan biasiswa² dan hadiah² latehan kepada guru² dan pentadbir² pelajaran dan jumlah wang

sa-banyak \$1,600,000 ada-lah di-kehendakki dalam tahun 1964 di-bandingkan dengan \$1,342,901 tahun 1963. Dari peruntokan ini, biasiswa dan bursari ada-lah di-hadiahkan kepada murid² yang berjaya bagi melanjutkan pelajaran tinggi di-Universiti² Malaya dan Singapura atau pun di-Universiti² seberang laut dengan harapan pada umum-nya supaya mereka itu dapat di-ambil masok di-dalam perkhidmatan Kementerian ini apabila mereka telah tamat di-dalam kursus². Hadiah² Persekutuan juga ada-lah di-beri kepada guru² dan pegawai² yang sedang berkhidmat untuk mengambil kursus² tinggi yang ada hubungan dengan pekerjaan masing² termasuk-lah pelajaran "Post Graduate". Jumlah bilangan pemilik² biasiswa², bursari dan hadiah² latehan yang ada di-dalam daftar pada masa ini ia-lah sa-banyak 304 dan ini akan di-tambahkan lagi sa-banyak 177 dalam tahun 1964. Jumlah ini ada-lah lebih besar daripada jumlah biasiswa yang di-hadiahkan oleh negeri² sahabat dan badan² antara bangsa ka-semua-nya memberi sa-banyak 138 buah dan akan bertambah lagi sa-banyak 60 buah dalam tahun 1964. Sa-bagai menyatakan penghargaan kita terhadap bantuan² yang kita telah terima daripada negara² dan badan² lain, kita juga telah mengadakan beberapa buah biasiswa di-Universiti Malaya untuk pelajar² dari seberang laut. Pada masa ini, kita ada 7 orang pelajar² yang mengikuti kursus di-sini. Untuk ranchangan ini, jumlah wang sa-banyak \$74,234 ada-lah di-kehendakki bagi tahun 1964, berbanding dengan jumlah sa-banyak \$85,630 dalam tahun 1963 di-bawah perkara Biasiswa Commonwealth.

Kementerian terus-menerus mengadakan bantuan kewangan kepada negeri² bagi menyelenggarakan pengajaran Ugama di-Sekolah² Rendah yang mendapat bantuan sesuai dengan syarat yang di-adakan di-dalam (Pindaan) Undang² Pelajaran tahun 1963. Sa-jumlah wang sa-banyak \$5,000,000 ada-lah di-kehendakki dalam tahun 1964, ia-itu sama banyak saperti yang di-untokkan bagi tahun ini. Wang pemberian kepada negeri²

ia-lah sa-tengah daripada perbelanjaan yang sa-benar-nya yang di-tanggung oleh negeri² dalam melaksanakan pengajaran Ugama di-Sekolah² Rendah yang mendapat bantuan dalam tahun yang lalu. Pelajaran pengajaran Ugama di-Sekolah² Menengah ada-lah di-bayar terus dengan penoh oleh Kementerian.

Sa-jumlah wang sa-banyak \$2,317,600 ada-lah di-minta untuk Dewan Bahasa dan Pustaka yang merupakan penambahan yang sangat sedikit ia-itu \$67,600 bertambah daripada peruntokan tahun 1963, berbanding dengan penambahan sa-banyak \$250,000 dalam tahun 1963 lebih daripada peruntokan tahun yang terdahulu. Sa-lain daripada ini, wang sa-banyak \$78,700 ada-lah di-minta bagi perbelanjaan berbagai² ranchangan yang akan di-jalankan untuk Bulan Bahasa Kebangsaan. Angka ini ada-lah sama banyak dengan angka yang di-untokkan bagi tahun 1963. Sa-buah Bilek Gerakan Bahasa Kebangsaan di-bawah kelolaan Kementerian saya akan di-tubuhkan di-Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mengetahui sa-jauh mana-kah Bahasa Kebangsaan di-gunakan itu di-dalam semua Jabatan² Kerajaan dan oleh orang² awam dan juga bagi menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan bahasa itu.

Berhubung dengan latehan guru, saya suka menyatakan kepada Dewan ini ia-itu pengambilan chalu² untuk Maktab Brinsford Lodge, di-United Kingdom telah pun di-berhentikan. Sa-kumpulan pelajar² yang terakhir akan kembali ka-Malaya pada penghujung bulan Ogos, tahun hadapan. Sa-belum persidangan Belanjawan yang akan datang Maktab Brinsford Lodge akan di-tutup dan ini menamatkan Maktab Latehan di-seberang laut yang kedua. Saya suka mengambil peluang ini menyatakan ucapan terima kaseh kepada Kerajaan United Kingdom atas bantuan-nya dan kerjasama dalam menyelenggarakan ranchangan latehan ini, Persediaan² ada-lah sedang di-buat bagi memulakan sa-buah maktab baharu di-Johor Bharu bagi menggantikan Maktab Brinsford Lodge itu. Maktab baharu ini akan menumpukan pelajaran dalam Ilmu Rural Sains dan

Ilmu Kemasyarakatan. Pelan² sedang di-buat untuk mendirikan sa-buah Matkab latehan Teknik di-Kuala Lumpur.

Kursus tambahan akan di-teruskan di-Maktab Perguruan Ilmu Khas dan juga di-Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur. Sa-lain daripada itu, Maktab Perguruan Malaya di-Pulau Pinang akan mengadakan kursus tambahan tahun ketiga dalam Ilmu Mathematics dan Sains untuk guru² yang terlateh. Kursus sambilan yang khas akan di-selenggarakan oleh Kementerian dalam bidang Ilmu Perpustakaan. Kursus waktu chuti juga di-uruskan bagi kepentingan guru² daripada Sekolah² Rendah China, India dan Sekolah Kebangsaan.

Satu sukatan pelajaran baharu yang khas sudah pun di-gunakan di-Maktab² latehan menengah dan rendah bagi menyesuaikan dengan dasar ranchangan latehan untuk guru² yang telah di-pileh. Kumpulan pertama yang mengandongi sa-banyak 77 pelateh akan tamat daripada Maktab Perguruan Teknik di-Kuala Lumpur pada bulan April 1964. Mereka itu akan mengisi keperluan sekolah² yang memerlukan guru² dalam bidang Industrial Arts. Bangunan² untuk Pusat Latehan Harian yang baharu, sudah pun siap untuk di-gunakan di-Kuantan, Kuala Trengganu dan Seremban. Bagi pusat² yang lain pula, di-mana perlu, sedang di-perbaiki lagi. Sa-jumlah 21 buah maktab² latehan guru di-dalam negeri ini akan memberi latehan kepada sa-jumlah 6,000 orang guru dalam tahun 1964.

Tuan, pada tahun yang lalu dalam ucapan saya, saya telah menyebutkan ia-itu langkah² telah di-ambil bagi menubuhkan sa-buah Faculty Kedoktoran dan sa-buah School of Education di-Universiti Malaya. Saya sangat sukachita mengumumkan ia-itu sa-buah School of Education telah pun di-dirikan dalam bulan Jun tahun ini dan kursus telah pun di-mulakan untuk 35 orang pelajar² yang berijazah. Dan juga seramai 36 orang pelajar tahun pertama bahagian kedoktoran telah pun mulai belajar dan peringkat pertama dalam ranchangan bangunan Faculty Kedoktoran yang mengandongi bangunan² pertadbiran serta ma'mal

untuk membuat pelajaran pre-clinical dalam bahagian Biochemistry, Anatomy dan Physiology telah di-mulakan pada awal tahun ini. Ranchangan ini akan siap dalam bulan Mach tahun hadapan dan kursus² untuk pelajar² kedoktoran tahun kedua akan di-mulakan apabila penggal pelajaran Universiti di-mulakan dalam bulan Mei, 1964.

Dalam tahun 1964 saya meminta wang sa-jumlah 7.8 juta ringgit untuk perbelanjaan berulang tahunan Universiti. Jumlah murid² yang ada sekarang ini di-Universiti Malaya ia-lah sa-banyak 1,750 orang yang merupakan penambahan sa-banyak lebih kurang 30% daripada tahun yang lalu. Pada persidangan yang akan datang ada-lah di-jangka ia-itu jumlah pelajar² akan meningkat lebih daripada 2,000 di-Universiti itu. Degan mengadakan kursus² baharu dan dengan membesarkan faculty yang ada sekarang dan dengan penambahan pelajar² mustahak-lah kaki-tangan² Universiti itu harus di-perbanyakkan lagi. Kemudian² ma'mal juga akan di-dirikan lagi dan begitu juga perkakas² dan alat² harus di-tambahkan lagi bagi menchapai persaimbangan dengan penambahan pelajar² dan dengan ada-nya kursus² baharu itu. Kesemua-nya ini berarti ia-itu perbelanjaan bagi mengelolakan Universiti itu akan bertambah. Dari segi perkembangan dan kemajuan² ini ada-lah di-jangka ia-itu wang sa-banyak 7.8 juta ringgit tidak akan menchukupi untuk menyelenggarakan ranchangan² Universiti itu pada tahun hadapan dan mungkin juga peruntukan tambahan di-minta lagi daripada Dewan ini apabila di-dapati pada suatu masa kelak.

Kerja² Lembaga Pepereksaan telah bertambah lebih banyak lagi. Bilangan chalun² sa-banyak 38,760 orang telah mengambil pepereksaan Masok ka-Sekolah Menengah dalam empat bahasa pengantar (Melayu, Inggeris, China dan Tamil) dalam tahun 1957 tetapi bilangan ini telah bertambah hampir tiga kali ganda menjadi 114,100 orang chalun dalam tahun 1963. Begitu juga bagi Pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran dalam bahasa pengantar Inggeris chuma 16,261 orang chalun telah

mengambil peperiksaan itu dalam tahun 1957 di-banding dengan 59,674 orang chalon dalam tahun 1963 dan ini juga ada-lah hampir tiga kali ganda banyak-nya. Dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran bahasa pengantar Melayu sa-banyak 8,275 orang chalon telah mengambil peperiksaan dalam tahun berbanding dengan 1,249 orang dalam tahun 1960. Bilangan ini menunjukkan penambahan sa-banyak enam kali ganda.

Salah satu kegiatan penting yang di-selenggarakan oleh Lembaga itu ia-lah dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Persekutuan yang di-ambil oleh sa-bahagian yang besar daripada murid² yang keluar daripada sekolah² menengah. Peperiksaan ini mula² sekali di-adakan dalam tahun 1957 dan di-adakan hanya dalam Bahasa Inggeris sahaja dan chalon² yang mengambil peperiksaan pada masa itu ia-lah sa-banyak 2,305 orang. Bilangan chalon² yang mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Persekutuan melalui bahasa pengantar Inggeris telah bertambah menjadi 16,161 orang, yang menunjukkan penambahan lebeh kurang 7 kali ganda daripada bilangan tahun 1957. Tahun yang lalu pada pertama kali-nya Peperiksaan Sijil Pelajaran Persekutuan melalui bahasa pengantar Melayu telah di-adakan dan sa-banyak 1,272 orang chalon telah menempoh peperiksaan itu. Angka ini telah bertambah menjadi 3,165 orang pada tahun ini yang menunjukkan hampir tiga kali ganda.

Jema'ah Nadzir Sekolah² terus memainkan peranan yang lebeh penting dalam sistem pelajaran kita. Semua bentok sekolah telah di-lawati sa-panjang tahun ini dan bagi Sekolah² Rendah Kebangsaan perhatian yang besar di-tumpukan di-sekolah² di-kawasan luar bandar. Sekolah² ini telah di-lawati sebagai ranchangan yang di-jadualkan oleh pihak Jema'ah atau pun juga dengan permintaan sekolah² itu sendiri. Sebagaimana saya telah melaporkan pada tahun yang lalu nampak-nya ada tanda² ia-itu di-antara sekolah² yang baharu dan sekolah² yang di-perbesarkan, nasehat dan panduan daripada Jema'ah Nadzir adal-ah di-minta. Sunggoh pun Jema'ah

Nadzir ini menghadapi kekurangan pegawai², tetapi kebanyakan permintaan² dari sekolah² telah pun di-penohkan.

Salah satu tugas penting dalam kegiatan² Jema'ah ia-lah bagi mengelolakan kursus sambilan bagi guru² yang terlatah sesuai dengan amal yang di-jalankan oleh Jema'ah Nadzir lain² negeri. Kursus *ad-hoc* ini di-adakan pada masa chuti sekolah atau pun pada penghujung minggu, kursus di-adakan bagi menchari puncha² kelemahan dan mengatasi masaalah² lain dalam bidang itu. Mata-pelajaran² yang di-ajar di-dalam kursus ini termasuk-lah pengajaran Bahasa Kebangsaan di-peringkat Sekolah Rendah dan Menengah, pengajaran Ilmu Sains di-Sekolah Menengah Kebangsaan dan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua.

Selain daripada kursus² sambilan ini, Jema'ah Nadzir juga mengelolakan seminar untuk guru², ibu-bapa serta jema'ah pengurus dan pengelola, dengan langkah yang konkeret bagi melaksanakan ranchangan Kementerian di-bawah "Gerakan Obor", dan juga sistem baharu sebagai "follow-up" daripada lawatan² Nadzir dengan kerjasama Ketua² Pegawai Pelajaran supaya menjamin segala shor² dan siaran² yang di-kemukakan oleh Nadzir² itu di-laksanakan dengan sa-berapa segera.

Saya perchaya semua Ahli² Yang Berhormat tentu-lah bersetuju dengan saya apabila saya sebut ia-itu Kerajaan sedang menjalankan sa-berapa daya usaha dalam bidang pelajaran sambil menghadapi beberapa masaalah² yang rumit. Masaalah² ini bukanlah sahaja timbul dan terdapat di-negeri kita Malaysia oleh kerana kebanyakan daripada-nya juga terdapat di-dalam negeri² yang baharu dalam dunia ini. Saya terpaksa menyatakan di-sini, meski pun terdapat beberapa kekurangan² dan kegenda-laan, kemajuan yang telah di-chapai sangat-lah memuaskan jika di-bandingkan dengan apa darjat sekali pun.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Sabah pula, saya suka menyatakan ia-itu Anggaran Belanjawan Biasa bagi Negeri Sabah dalam tahun 1964 ia-lah sa-banyak \$12,701,570 ia-lah tambahan

sa-banyak 29.7 peratus lebih daripada peruntukan bagi tahun 1963 yang sa-banyak \$9,793,040 itu. Penambahan itu ia-lah untuk mengadakan guru² yang perlu dan juga untuk perbelanjaan bertambah bagi perbelanjaan biasa yang lain² itu.

Mustahak di-terangkan ia-itu dalam tahun² sa-belum Perang Dunia II, sistem pelajaran Negeri Sabah jauh beza-nya daripada sistem yang sedang berkembang di-Tanah Melayu pada masa itu. Kemudian, akibat daripada kerosakan besar yang menimpa negeri itu pada masa perang, ia-itu kerosakan pada bangunan² sekolah dan juga kapada orang² yang menjadi guru, Negeri Sabah terpaksa menggunakan hasil² negeri-nya untuk membina sa-mula Negeri itu dan, yang sa-benar-nya, hanya di-dalam beberapa tahun yang baharu lalu ini sahaja ranchangan² yang teliti untuk memajukan ekonomi Negeri itu telah menghasilkan chukop wang untuk di-belanjakan bagi perkembangan perkhidmatan pelajaran. Hingga tahun 1963 peruntukan yang bertambah bagi sekolah² rendah dan guru telah membolehkan lebih kurang 70 peratus daripada penduduk² peringkat umur sekolah rendah mendapat tempat di-sekolah. Ada-lah menjadi tujuan Kerajaan Sabah untuk memberi tempat di-sekolah bagi tiap² sa-orang kanak² sa-belum tahun 1971.

Dengan banyak-nya kegiatan untuk menambah bilangan sekolah dengan sa-berapa pesat-nya, kemudahan² yang bertambah untuk latehan guru itu mesti-lah di-beri perhatian yang saksama. Maktab Latehan Guru Negeri itu yang pertama telah di-buka pada tahun 1952. Dalam tahun 1962, satu pusat latehan terpaksa di-buka untuk melateh guru² di-sekolah² kecil luar bandar, dan dalam tahun 1963, sa-buah maktab latehan baharu yang besar, ia-itu Maktab Gaya, telah menerima penuntut² bagi pertama kali-nya untuk latehan guru. Peruntukan ada-lah di-kehendaki di-dalam anggaran ini untuk mengadakan pensharah² tambahan bagi melengkapkan kakitangan yang di-ranchangkan bagi Maktab yang baharu ini.

Bilangan sekolah yang bertambah itu telah mengakibatkan kekurangan di-dalam bilangan kakitangan penyelia yang terlatah di-dalam Jabatan Pelajaran. Oleh itu peruntukan tambahan ada-lah di-kehendaki bagi 8 orang lagi penyelia yang sedang menjalani latehan di-seberang laut untuk mengisi kekosongan² ini.

Juga ada-lah di-dapati sangat mustahak di-dalam peruntukan untuk mendirikan sa-buah pusat Jema'ah Nazir Sekolah bagi negeri itu. Ini ada-lah perkhidmatan baharu, walau pun perkhidmatan ini telah di-chitachitakan oleh Negeri itu sa-lama beberapa tahun. Hanya kekurangan bilangan kakitangan yang terlatah sahaja yang telah menghalang perbentokan-nya lebih awal lagi. Tetapi perkhidmatan ini tidak patut-lah ditanggoh-tanggohkan lagi oleh kerana bilangan sekolah² dan guru² yang bertambah itu memerlukan perhatian dan nasihat pakar yang lebih rapat lagi daripada yang boleh di-beri oleh penyelia² yang terpaksa menumpukan banyak masa mereka kapada perkara² pentadbiran. Jika wang yang di-belanjakan bagi pelajaran itu hendak menerbitkan hasil² yang berguna maka ada-lah perlu di-beri peruntukan bagi lawatan² sempurna ka-sekolah² dan mengadakan sumber nasihat pakar bagi guru².

Tuan Pengerusi, bagi negeri Sarawak Anggaran Belanjawan Biasa dalam tahun 1964 ia-lah \$15,785,353 ia-itu bertambah 17.6 peratus daripada peruntukan untuk tahun 1963 sa-banyak \$13,419,623 itu. Penambahan itu ada-lah di-sebabkan oleh perubahan gaji, tetapi terutama sa-kali kerana penambahan perkhidmatan.

Ada-lah kelihatan bahawa lebih kurang dua per tiga daripada anggaran belanjawan berulang, pada masa ini ia-lah untuk Bantuan Kapada Sekolah². Lebih kurang 90 peratus daripada murid² di-negeri Sarawak ada-lah belajar di-sekolah² rendah dan menengah yang di-bantu, yang menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan di-bawah satu Kod Bantuan. Sekolah² ini termasuk-lah sistem sekolah² rendah di-bawah pengelolaan Majlis Daerah. Tetapi bilangan sekolah²

menengah di-bawah kawalan terus Kerajaan ada-lah bertambah banyak; perbelanjaan sekolah² ini ada-lah di-tunjokkan di-bawah kepala²-kecil yang berlainan, seperti Gaji, Catering, Penyelenggaraan, dan lain² lagi.

Tiga kepala²-kecil perbelanjaan berulang, mungkin patut di-jelaskan di-sini. Kepala-kecil 5, Bantuan Asrama, ada-lah berhubung dengan satu ranchangan di-mana Kerajaan membantu Majlis² Daerah untuk menambahkan chatu yang di-beri oleh ibu-bapa untuk kanak² sekolah rendah yang patut mendapat boarding kerana bilangan penduduk² yang tidak ramai di-bahagian² luar bandar negeri itu. Kepala-kecil 15, Biasiswa² Tempatan, mengadakan bantuan, terutama sa-kali bagi bayaran boarding untuk kanak² orang Asli di-sekolah² menengah yang di-bantu. Kepala-kecil 23, Perkhidmatan Radio Sekolah, mengadakan bayaran, dari segi pelajaran, suatu bentuk khas Siaran Radio Sekolah yang telah di-buktikan sangat berjaya di-Sarawak; perbelanjaan siaran itu dari segi teknik di-adakan daripada perbelanjaan umum Kementerian Penerangan dan Siaran Radio.

Tambahan bilangan murid di-sekolah² rendah ada-lah di-jangka terlebih besar lagi daripada tahun² yang lepas, dan bilangan di-sekolah² Menengah Kerajaan mungkin menjadi 46 peratus lebih tinggi daripada bilangan pada tahun 1963, dengan tambahan sa-banyak 40 peratus didalam bilangan murid² yang tinggal di-asrama². Penambahan ini ada-lah kerana sekolah rendah untuk murid² Melayu, Dayak dan lain² murid bumi putera sedang mengeluarkan lebih ramai lagi murid² yang berbakat untuk sekolah² menengah. Lebih kurang satu ribu kanak² bumi putera dari Darjah Enam akan memasoki Tingkatan Satu pada tahun hadapan, berbanding dengan angka 554 dua tahun dahulu.

Pada masa yang lepas, kekurangan guru² yang berkelayakan dan berpengalaman untuk jawatan sa-bagai Penyelia Kumpulan telah mengakibatkan kekurangan penyeliaan di-sekolah². Chalun² tempatan yang sesuai sedang tampil ka-hadapan dan pada tahun

1964 Anggaran Belanjawan menunjokkan perbelanjaan telah pun bertambah di-bawah Gaji dan Pengangkutan dan Perjalanan untuk Penyelia² Kumpulan.

Tuan, saya mohon menhadangkan supaya Kepala Perbekalan S. 15, S. 66D, S. 67AA bagi Kementerian Pelajaran di-luluskan.

Enche' Geh Chong Keat (Penang Utara): Mr Chairman, Sir, I would like to speak on Supply Head 15, page 136, Sub-head 1 item (1), Minister of Education (*Menteri Pelajaran*) and the relevant sub-heads for *Guru² dan Guru² Terlateh (Bahasa English) di-Sekolah Bahasa Sendiri, Teachers and Trained Teachers of English in Vernacular Schools*—Sub-head 100, page 165, and Sub-head 1, item (210), page 144.

Mr Chairman, Sir, speaking on Head S. 15, page 136, Sub-head 1, item (1), Minister of Education, I would like to draw the attention of the Honourable Minister of Education to the general concern expressed by educationists and parents of the low standard of English in Chinese and other vernacular schools. Some sections, while supporting any efforts to improve the low standard of English, fear that at the same time there will be a corresponding reduction in the teaching of Chinese in hours should the English periods be increased. I personally feel that the Honourable Minister will be able to help considerably to solve the problem by extending the English periods without encroaching upon the Chinese periods and yet blend these two schools of thought in fortifying these students to enable them to be in the same position as those in other types of schools.

According to the education policy, there are at present only two types of fully assisted secondary schools: the national secondary schools in the Malay medium, or the national language, and the national-type secondary schools, i.e. the English medium schools. The newly conforming Chinese secondary schools, or the national-type Chinese secondary schools, belong to the latter type, i.e. to the English medium. Therefore,

there is very little difference between the Chinese secondary schools and the English secondary schools. In the Chinese secondary schools, English is also the medium of instruction in all subjects except Chinese and Chinese literature. Students have to sit for the same L.C.E., F.M.C., and Cambridge Senior Certificate Examinations. Unfortunately, while examinations are the same, the chances of success in these examinations are not equal. The results in these examinations in the past years have proved beyond any doubt that the Chinese secondary school students have not been given equal chances of passing their examinations. For example, out of the 3,284 students in converted Chinese secondary schools, who took the L.C.E. examination in 1962, only 489, that is about 12 per cent, qualified for outright promotion to Form IV. It is the sacred duty of the Honourable Minister, as well as that of Members of this House, to see to it that all children in the secondary schools are given fair and equal chances of completing their secondary education as well as the other students in other types of schools—as we have done for other streams of education—and also to provide for them higher education in academic and technological courses. Our Government and the Minister of Education have taken great pains to evolve an education policy that gives the children of all races an equal opportunity to get on in life. Much consideration has also been given to the claims of the various communities for the preservation of their respective languages and cultures.

My constituents, the educationists, and I indeed welcome the Government's repeated assurance that there will be free primary education in the child's mother tongue as long as there are parents, who wish to send their children to such schools. In our opinion, it is not enough just to urge the parents to allow their children to begin their education in their mother tongue first. What we ought to do is to prove to the parents that the students in Chinese schools are generally as well equipped for life as the students in other types of schools,

because they have an opportunity to learn and master the important languages of our country. As long as we can maintain and hold on to this attraction, there will be a future for Chinese schools in this country and for the Chinese community, should they choose the Chinese stream for their children. To see that all that is done, we must make sure that the children admitted to the Chinese secondary schools have a sound foundation of English in the primary schools. It is quite fantastic to expect the children to reach the standard required for secondary school work in English medium after only one year's grounding in English in the remove form.

Sir, let us now examine how English is being taught in the national-type primary schools, Chinese medium. The minimum time for study of English in minutes per week in the Federation of Malaya, as laid down in General Notification No. 1815 (prior to the enforcement of the Schools (Courses of Studies) Regulations, 1956) was—

<i>Year</i>	<i>Time Allotted</i>	
First Year ...	180	minutes per week
Second Year ...	180	„ „
Third Year ...	300	„ „
Fourth Year ...	330	„ „
Fifth Year ...	330	„ „
Sixth Year ...	330	„ „
Total ...	1,650	„ „

The time allotted under the Schools (Courses of Studies) Regulations, 1956, is as follows:

First Year ...	Nil
Second Year ...	Nil
Third Year ...	120 minutes per week
Fourth Year ...	135 „ „
Fifth Year ...	180 „ „
Sixth Year ...	180 „ „
Total ...	615 „ „

At this juncture much as I dislike to, I would like to mention the Singapore periods for comparison. In Singapore, the first year and the second year the period is 210 minutes; for the third

year, fourth year, fifth year and sixth year the time allotted is 270 minutes; and thus the total of 1,500 minutes.

From what I have said just now, you will note that there is a vast difference in the time allotted to the teaching of English in Chinese primary schools before and after the enforcement of the Schools (Courses of Studies) Regulations, 1965. There is a big slash from 1,650 minutes per week to 615 minutes. In Singapore the time provided seems to our educationists to be quite suitable and reasonable. Even prior to the enforcement of the Schools (Courses of Studies) Regulations, 1956, it was a recognised fact that the standard of English in Chinese schools was normally about two years lower than that in English medium schools. Now, that the English periods have been slashed to conform to the Schools (Courses of Studies) Regulations, 1956, it is no surprise at all that the standard of English will further deteriorate, and that the gap between the standard of English in the Chinese primary schools and that in the secondary schools is even much wider. Do we then really hope that a miracle could be performed during the one year's course in the remove form? Moreover, Sir, in the M.S.S.E.E. a pass in English is not compulsory for Chinese school children. Hence, it is not unusual for a child who scores zero in English to obtain an "A" grade pass in Chinese. Children are aware of this and so they are inclined to adopt an indifference attitude towards the study of English. The children in the English secondary schools have had six solid years in the primary schools plus three full years of intensive studies in the secondary schools before sitting for the L.C.E. Examination, but the children in the Chinese schools have had only four years of limited coaching in English plus another four years of studies in the secondary schools. If a child in the English secondary school needs nine years of solid studies to pass the L.C.E. Examination, then how can we expect a child in the Chinese secondary school to do well in the same examination after only 8 years of handicapped studies? Most parents are

openly derided not only the Government policy but also all Assistant Ministers. He openly stated at this course that though there were rumours that he would be the Assistant Minister of Education this was all over. He further went on to say that if he was given a job he wanted full executive powers and that under no circumstances will he be a puppet. Sir, I demand that this House be informed as to the actual position. Is it a fact that the Minister is going to announce free education for nine years and that this was the resultant of the hot argument with Mr Lee Siok Yew when he had to bang the Minister's table? If it was so, why was this House not informed of this; if not, why has the Ministry not denied this story? Further, who is responsible for this particular course and why has the Ministry not taken precautions to ensure that whatever is said at such civic courses is the truth? We hope that the Minister will make it a point to answer this very serious newspaper report of the proceedings, because this matter is now the talk of the town and the people are beginning to wonder whether the Minister only understands the language of force.

Sir, the second matter I wish to raise is with regard to funds for National-type Primary Schools which appear in page 161, Sub-head 44 (1). It has been the policy of this Government to leave the administration and management of National Type Primary Schools to a Board of Management. It is, therefore, vital that such funds should be managed in such a way as to raise no doubts on the methods in which they are used and kept. About a month ago there has been a classic case reported in the Press of the handling of funds in a Chinese national-type primary school in Jenjarom New Village, Selangor. It is reported in the Press that the Board of Management of the Jenjarom national-type primary school had a meeting on the 20th of November this year. At this meeting it was decided that a classroom to teach music should be built. In order to do this, the meeting decided that report on the finances of the school should be tabled. Very mysteriously one week

later, on the 28th of November a fire started in one of the rooms and allegedly burned the documents containing the accounts of the school. What surprises everyone is the fact that the fire was supposed to have started from the middle of the locked room and within minutes engulfed the room. There must be very inflammable material together with the accounts for the fire to have spread so quickly, according to the newspaper report. On the 30th of November the Board held a meeting and requested Mr Leong Yew Sin, who is NOT the Treasurer of the Board, to present the accounts from 1958 to 1963 within 14 days. Then at the meeting of the Board on the 15th of December no accounts were presented. Instead the Board took a decision stating that since in 1958 it was a standard-type Chinese school and whereas now it is a national-type school, the accounts would be prepared after a meeting of the Board of Management of the standard-type school. Sir, this is most unusual. Surely at the end of the year and when the new Board takes over there should be statements of accounts presented. What is the reason then for this most extraordinary decision? To make matters more suspicious, at this vital meeting the Chairman of the Board, Mr Lim Leong Swee, who is also the Chairman of the local M.C.A., tendered his resignation and it was accepted. It was at this meeting also that the Treasurer of the Board tendered his resignation though he was Treasurer . . .

Mr Chairman: That has no connection whatever with Sub-head 44 (1).

Enche' Ng Ann Teik: Mr Chairman, Sir, the fund of the National-Type Primary School, I think, should be handled properly. I am trying to explain a case, which has given rise to suspicion on the handling of the fund. Though the Treasurer tendered his resignation, the meeting decided to defer consideration of his resignation until after the meeting of the old Board of Management. The whole incident appears to be very suspicious. When the accounts were asked for, the building in which they were kept caught fire, and the building was burnt so quickly

that all the relevant documents were supposed to have been burnt. The person who was asked to present the accounts was the Malayan Chinese Association Vice-Chairman—not the Treasurer of the Board. The accounts were not produced, and it was decided to call a meeting of the old Board of Management. The Chairman, who was also the M.C.A. Chairman, then resigned and it was accepted. How can this be accepted when the vital question of accounts is still to be resolved? The Treasurer, who was not asked to present the accounts, also tendered his resignation, but was told to wait. It is very difficult to understand what is going on. All this has been reported in the press, and it is no secret. I want to know what the Honourable Minister has done about it. Has he started an enquiry into the whole matter? If he has not, why has he failed in his duty? If an enquiry has been held, what is the explanation to the whole matter? This House is entitled to know the full facts of this unusual situation and the answers for it. How can we be sure that the money passed by this House will not be wrongly handled, if the Minister allows the people like these to manage things? Thank you.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Dato' Pengerusi, saya bangun mengalu²kan ucapan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pelajaran yang telah di-kemukakan di-dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada pagi tadi. Dato' Pengerusi . . .

Mr Chairman: Tuan Pengerusi sahaja—saya belum lagi Dato'.

Tuan Haji Mokhtar: Terima kaseh, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Menteri Pelajaran, Menteri Muda Pelajaran, Setia-usaha Tetap dan Pemberian Bantuan Terkanun. Dalam sedikit masa yang lalu kita sama² telah mendengar perbahathan yang panas dan hebat di-dalam surat²khobar berkenaan dengan kelemahan anak² Melayu di-dalam sekolah² rendah dan sekolah² menengah dan bermacam² fikiran telah di-suarakan di-dalam hal yang tersebut. Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam ucapan-nya telah

membuat pandangan berkenaan dengan kemajuan² pelajaran dalam Persekutuan Malaysia, mulai dari Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia bagi tahun 1964 yang akan datang. Perkara ini tentu-lah tidak ada siapa yang menafikan bahawa perkembangan pelajaran di-dalam negara Malaysia ini sudah mula meningkat dari sa-tapak ka-satapak kahadapan. Dan begitu juga pada hari ini kalau kita berjalan di-kampung², di-bandar dan pekan, barangkali susah-lah kita hendak membezakan kanak² yang berduyun di-waktu pagi ka-sekolah dengan pakaian yang saragam dan begitu juga bangunan sekolah yang chantek dan tersergam. Ini ada-lah menunjukkan bahawa dasar pelajaran di-dalam Persekutuan Malaysia pada hari ini telah mulai berada pada tingkat dan taraf yang sama dengan tidak membezakan, sama ada di-kampung, di-bandar dan lain². Di-samping itu, Tuan Pengerusi, kalau kita kaji dengan teliti kita akan dapati bahawa tidak sedikit pula daripada murid² yang di-dalam sekolah rendah banyak di-antara-nya yang tidak dapat meneruskan pelajaran ka-sekolah² menengah. Dalam penyiasatan dan pemerhatian saya disebabkan oleh beberapa sebab. Yang pertama, ibu-bapa-nya miskin, maka dengan kemiskinan itu mereka tidak dapat melayan kehendak anak²-nya itu, dan saya tidak tahu-lah di-negeri² lain, tetapi di-dalam negeri saya di-Perlis, kalau kita perhatikan kanak² yang pergi ka-sekolah rendah banyak yang berkaki ayam dan apabila kita tanya murid² itu ada dua tiga orang di-antara yang pergi ka-sekolah tidak dapat makanan. Jadi, perkara ini, saya fikir, Tuan Pengerusi, patut-lah di-ambil perhatian oleh Kementerian Pelajaran bagaimana supaya dapat kita memberi bantuan, atau pertolongan kepada anak² yang miskin dan anak² yang ta' dapat makan pada waktu pagi. Jadi, dengan kita ambil perhatian itu, ini akan memberi satu jalan yang dapat kita memberi peluang kepada anak² bangsa Melayu dalam sekolah² rendah hingga meningkat ka-sekolah² menengah, dan saya dapat tahu juga dalam negeri Perlis, Pejabat Pelajaran ada memberi roti² kepada sekolah² untuk memberi makan kepada kanak² yang

ta' mempunyai kesempatan makan pada waktu pagi. Sa-kira-nya kalau dasar itu di-jalankan, maka saya bagi pehak ibu-bapa yang miskin tentu-lah memberi ucapan terima kaseh dan memberi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan, kerana saya perhatikan dalam masa lawatan saya ka-luar negeri pada tahun yang telah lalu, saya dapati kebanyakan-nya sekolah² rendah, mereka dapati makanan yang perchuma daripada Kementerian Pelajaran, dan sa-lain daripada hal tersebut berkenaan dengan tempoh ini pun menjadi satu sekatan kepada anak² kita yang akan masuk ka-sekolah² menengah. Mengikut kepada keadaan yang ada pada hari ini bahawa dalam darjah rendah, murid² mendapat peluang belajar sa-takat 12 tahun ia-itu dari enam tahun sampai 12 tahun, ia-itu 6 tahun masa-nya dia berada dalam sekolah rendah. Jadi, di-situ murid² itu tadi dapat memikirkan bagaimana-kah nasib-nya, burok-baik-nya bagi diri dia pada masa akan datang. Sa-lepas dia masuk periksa ka-sekolah menengah, di-situ dapat-lah dia tahu siapa yang berjaya, siapa yang tidak berjaya, kalau siapa yang berjaya maka dapat-lah dia masuk ka-sekolah menengah, tetapi siapa yang tidak berjaya tentu-lah berasa dukachita dan terpaksa-lah mereka itu masuk ka-sekolah lanjutan di-mana sekolah² lanjutan itu biasa-nya berhampiran dengan bandar, atau jauh dari sekolah² tersebut. Jadi, dengan keadaan yang demikian, kanak² yang berumur 12 tahun itu maseh mentah lagi, dia tidak dapat peluang, atau tidak dapat meneruskan chita²-nya. Jadi, kata dia: "Aku, di-dalam sekolah menengah pun ta' berjaya, jadi apa-lah guna-nya yang aku pergi belajar." Ibu-bapa-nya pun berkata bagitu: "Sedangkan engkau dalam sekolah menengah, engkau tidak berjaya, apa-lah guna-nya aku menghabiskan wang aku lagi untuk memberi bantuan kepada engkau pergi ka-sekolah lanjutan." Jadi, dalam hal yang tersebut, Tuan Pengerusi, patut-lah Kementerian Pelajaran ini mengambil perhatian yang sa-halus²-nya supaya anak² itu tadi sa-chara jiwa-nya, dia tidak dapat memberi kesan apabila dia itu tamat pada tingkatan rendah. Jadi,

kalau mereka itu berumur 12 tahun, mereka telah habis, atau tamat pelajaran-nya, apa-kah budak² itu akan buat, kalau umur-nya 12 tahun, mereka maseh budak lagi dan tidak dapat hendak membedzakan mana yang burok dan mana yang baik-nya.

Jadi, dalam hal yang tersebut, ketika saya berada di-Amerika dahulu, saya juga pernah bertukar² fikiran dengan pegawai² pelajaran dalam University of Florida dan mereka berkata ia-itu umur 12 tahun ada-lah sangat mentah, patut-lah di-tambah dua tahun lagi supaya mereka itu berumur sampai 16 tahun di-mana ini akan memberi satu peluang yang baik kepada anak² itu tadi supaya mereka sendiri dapat merasa, dapat berkesan bagi jiwa-nya yang mereka itu ada mempunyai satu chita² untuk masa yang akan datang.

Sa-lain daripada hal yang tersebut, Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan chuti. Ini pun menjadi satu di-antara sebab²-nya yang saya fikir menjadi kegagalan terhadap anak² Melayu kita, kerana pada masa yang telah lalu, kanak² yang beragama Islam terutama sa-kali dalam peringkat sekolah rendah apabila dalam bulan puasa, mereka itu mendapat chuti yang penoh, tetapi sekarang anak² kita di-dalam bulan puasa juga terpaksa belajar dan banyak daripada anak² kita yang memang di-lateh oleh ibu-bapa mereka menyuroh mereka itu berpuasa dalam bulan Ramadhan, dan ini pun pada himat saya, patut-lah Kementerian Pelajaran ini mengambil satu pertimbangan, sunggoh pun perkara itu, bagi kita, kita rasa satu perkara yang tidak begitu berat, tetapi bagi anak² yang belajar, mereka itu terpaksa belajar, dan puasa mereka itu terpaksa berpuasa juga. Jadi, dalam satu bulan itu boleh di-katakan mereka itu dalam keadaan saperti angan² sahaja.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan latehan guru², ini pun menjadi satu daripada sebab juga yang kelemahan anak² kita dalam peringkat sekolah rendah, pada hal sekolah rendah inilah satu asas yang penting sa-kali dalam soal didekan anak² kita, jika sa-kira-nya anak² kita sudah kechiwa dalam peringkat sekolah rendah, maka

sudah tentu-lah sa-makin ka-atas, sa-makin bertambah kechiwa-nya, sa-makin ka-atas lagi, lebeh lagi kechiwa. Jadi, dengan hal yang tersebut, apabila sampai kapada peringkat yang tinggi ia-itu di-universiti, kita akan dapati hanya sedikit sahaja anak² kita yang mendapat peluang masok ka-dalam universiti dan satu daripada sebab-nya, barangkali ia-lah kerana latehan², atau latehan guru² itu tidak begitu sempurna, dan saya memikirkan bahawa ini harus-lah di-ambil perhatian oleh Kementerian Pelajaran seperti latehan kapada guru² yang bakal mengajar di-sekolah² menengah itu hendak-lah di-buat dalam bahasa kebangsaan, kerana kita dapati ada guru² kita yang ada berpeluang mengambil menengah, tetapi kebanyakan guru² itu tadi, mereka mendapat sijil melalui saluran sa-chara private. Jadi, oleh kerana dia mempunyai sijil yang tersebut, dapat-lah dia peluang, di-beri peluang masok berlateh dalam sekolah menengah tetapi oleh kerana dia mengambil pelajaran Inggeris tadi hanya sa-chara kata orang "self made man" ia-itu dengan ke-hendak dia sendiri. Jadi, manakala dia sampai di-college, kebanyakan-nya segala sharahan² dari pensharah² itu dan begitu juga segala technical words semua di-beri dalam bahasa Inggeris. Maka banyak-lah guru² tadi yang telah merayu kapada saya mengatakan mereka tidak begitu puas hati dan kalau boleh, biar-lah latehan yang di-beri kapada bakal² yang mengajar di-sekolah menengah itu hendak-lah di-buat dalam bahasa kebangsaan.

Dan begitu juga kemundoran anak² Melayu kita yang sudah keluar atau tamat daripada Sekolah Rendah masok ka-Sekolah Menengah berkenaan dengan pertukaran buku² di-dalam sekolah Inggeris. Kerap kali buku² di-dalam Sekolah Menengah bertukar pada tiap² tahun. Jadi dengan pertukaran buku² itu menjadi juga satu daripada sebab ibu-bapa yang miskin tidak dapat hendak membeli buku² yang baharu kerana pada tahun hadapan buku lain pula akan di-bacha atau akan di-gunakan di-dalam sekolah itu. Dan ta⁷ ada berpeluang pula orang² yang miskin tadi dapat memin-

jam buku daripada anak² mereka yang telah naik ka-atas sana kerana pertukaran buku² itu terpaksa dia membeli kadang² oleh sebab ibu-bapa tidak ada wang anak-nya itu tertahan sampai berbulan baharu dapat men-chari wang untuk membeli buku² anak itu. Jadi ini pun satu perkara saya rasa harus-lah juga di-fikirkan oleh Kementerian Pelajaran dalam chara² kita hendak memajukan pelajaran kapada anak² kita Melayu.

Dan sa-lain daripada yang tersebut pehak Kementerian patut juga mengambil perhatian menchari satu jalan bagaimana supaya guru² di-dalam Sekolah Kebangsaan tadi mereka itu dapat menyambong pelajaran mereka masok dalam Universiti. Saya tahu umpama-nya dalam negeri India dia di-adakan satu mata pelajaran umpama-nya di-dalam bahasa Urdu atau bahasa Arab siapa² sahaja yang dapat mengambil diploma di-dalam bahasa Arab atau bahasa Urdu dan lain²-nya maka dia akan dapat berpeluang masok mengambil pelajaran² di-dalam Universiti. Sa-kira-nya guru² Melayu di-beri kemudahan² yang tersebut di-dalam peperiksaan bahasa sa-lepas sahaja dia lulus bahasa Melayu dia dapat meningkat masok ka-dalam Universiti maka ini ada-lah juga satu jalan akan memberi saluran² pelajaran kapada guru² kita supaya dapat mendidik anak² kita bukan untuk hari ini bahkan untuk jangka panjang bagi masa yang akan datang.

Berbalek saya kapada muka 164 ia-itu bantuan kapada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat. Pada hari ini saya dapat tahu Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan begitu pemurah hati memberi bantuan wang yang begitu banyak kapada Sekolah² Ugama Islam, tetapi hanya sa-orang sahaja ia-itu Pegawai Perhubungan yang mengelola hal² sekolah ra'ayat tadi dan saya memikirkan ada-lah lebeh bijak lagi jika Kementerian ini menambah bilangan² itu supaya pengelola² tadi dapat-lah membuat lawatan² yang sempurna bagi seluroh Sekolah² Ugama Islam Ra'ayat di-dalam Persekutuan Tanah Melayu ini.

Muka 143—Dewan Malaysia London. Saya juga dapat peluang melawat

dalam lawatan saya keluar negeri pada tahun yang lalu melawat ka-Dewan Malaysia di-London ini tetapi saya amat-lah dukachita melihat bahawa Dewan yang tersebut hanya indah nama sahaja manakala saya masok ka-dalam saya dapati kurusi dan segala kelengkapan² boleh di-katakan kebanyakan-nya lapok dan tidak-lah begitu sempurna. Dan mereka juga merayu kepada saya supaya membuat rayuan kepada Menteri yang berkenaan supaya di-berikan wang untok membeli perkakas² dan sa-bagai-nya. Bagitu juga banyak penuntut² kita yang ada di-sana mereka itu telah berkata kepada saya tidak dapat tinggal di-dalam Malayan Hall tadi oleh sebab perbelanjaan kerana manakala kita hendak tinggal di-sana perbelanjaan-nya ada-lah lebeh dan kebanyakan daripada penuntut itu berkata lebeh baik dia sewa flat di-luar ada-lah lebeh murah lagi daripada dia dudok ditempat tersebut.

Di-dalam muka 165—Universiti Malaya dan sa-terus-nya. Sa-bagai-mana saya sebutkan tadi bahawa banyak anak² kita yang tidak dapat peluang masok Universiti Malaya oleh kerana darjah pepereksaan masok ka-Universiti Malaya itu di-tapis tetapi anak² tadi mereka boleh di-terima masok Universiti seberang laut jika dia mampu membelanjakan dengan wang-nya sendiri. Pada tahun yang lalu saya juga telah berchakap berkenaan dengan chara memberi pinjaman wang kepada penuntut² yang ada di-seberang laut supaya dapat mereka itu menyambungkan pelajaran-nya dan Menteri yang berkenaan telah memberi jawapan bahawasa-nya beliau akan menimbangkan perkara tersebut. Sa-masa saya berada dalam negeri German, saya dapat bertemu banyak penuntut² kita yang ada di-sana yang pergi dengan perbelanjaan sendiri, terutama sa-kali penuntut² yang telah tamat pengajian bahasa Arab di-Masir sebab sa-lain daripada bahasa Arab mereka mempelajari bahasa German. Jadi dengan sebab itu mereka dapat-lah berpeluang masok ka-dalam Technical College dalam negeri German. Tetapi oleh kerana perbelanjaan di-sana ada-lah sangat tinggi juga jadi sa-tengah

daripada sa-tengah-nya sambil belajar sambil bekerja. Sa-kira-nya kalau Kementerian ini ada berchita² hendak memberi kemajuan pelajaran kepada anak² kita yang belajar di-seberang laut patut-lah di-adakan satu peruntukan wang kerana memberi pinjaman dan di-bayar balek oleh penuntut² itu. Jadi dengan chara yang demikian banyak-lah saloran² dan kemudahan² kepada anak kita bahawa mereka itu akan mendapat pelajaran.

Berkenaan dengan kelemahan Sekolah² Rendah, saya juga telah dengar berkenaan dengan gaji sa-bagaimana yang telah di-chakapkan oleh wakil di-sebelah sana sekejap tadi. Dalam lawatan saya ada saya bertanya soal gaji dan saya dapati tidak ada bedza baik perempuan mahu pun lelaki sama sahaja gaji-nya. Saya rasa patut-lah juga Kementerian ini membuat pertimbangan sa-mula dalam hal yang tersebut ini. Bagitu juga tuntutan gaji daripada guru² Sekolah Rendah tadi patut-lah di-beri layanan kerana mereka itu boleh di-katakan pendidik yang pertama. Kalau guru² dalam Sekolah Rendah ini tidak kita layani sebab kita katakan dia ini mengajar di-Sekolah Rendah, pada hal mereka itu-lah pendidik yang pertama dan mereka itu-lah yang kita anggap menjadi harapan bagi anak bangsa kita di-masa yang akan datang. Jadi sa-takat itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1964

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads S. 15, S. 66D and S. 67AA—

Resumption of debate on Question,

That the sums of \$256,524,792, \$12,701,570 and \$15,785,383 for Heads S. 15, S. 66D and S. 67AA respectively stand part of the Schedule.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun turut mengalu²kan peruntukan wang yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan saya menyokong penoh atas desakan-nya supaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran di-berikan wang yang chukup untuk melaksanakan perjalanan Kementrian-nya. Dalam bidang pelajaran dan bangunan kita dapati ada-lah memberi puas hati kepada ra'ayat terutama sa-kali kepada pendudok² di-luar bandar, sejak dasar pelajaran Kerajaan Perikatan telah di-laksanakan. Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam muka 161 kepala kechil 44 ia-itu dalam masaalah pelaksanaan bahasa kebangsaan saya minta-lah Kementerian ini mengambil berat dan jangan berganjak atas dasar bahasa kebangsaan yang kita jalankan melalui pelajaran. Saya berharap kepada Kerajaan supaya memandang berat kepada petualang² yang hendak merosakkan dasar bahasa kebangsaan untuk di-laksanakan. Di-dalam masa-alah ini, Tuan Pengerusi, jangan kira kawan dan jangan kira lawan kerana bahasa kebangsaan itu di-punya'i oleh ra'ayat negeri ini dan sudah di-aku'i oleh ra'ayat negeri ini sama ada ra'ayat itu kawan atau pun lawan. Kita jangan beransor lagi, sebab kita sudah banyak bertolak ansor, dan kita jangan lemah di-dalam menjalankan pelaksanaan ini. Saya nampak biar kita kurang beberapa kerusi asalkan bahasa kebangsaan kita dapat di-laksanakan. Kalau bahasa kebangsaan itu dapat di-laksanakan saya nampak akan memberi faedah demi perpaduan dan kepentingan bahasa kebangsaan kita.

Sa-lain daripada itu pehak Kementerian ini tidak-lah pula menghapuskan bahasa Ibunda bangsa² yang ada di-dalam negeri ini bahkan memberi peluang kepada mereka itu yang hendak mempelajari bahasa Ibunda-nya. Dalam masa kita hendak menchapai bahasa kebangsaan kita menjadi bahasa rasmi yang tunggal hanya tiga tahun lagi saya nampak gejala² yang di-datangkan yang berupa rayuan sama ada daripada lawan atau pun daripada kawan kita yang berupa berbisek² kepada Kerajaan yang saya

anggap ini ada-lah satu rachun di-dalam melaksanakan bahasa kebangsaan kita. Saya mengikuti dan saya menguchapkan tahniah kepada Kerajaan kerana mengadakan Bill menggunakan bahasa kebangsaan, tetapi saya nampak Ahli Yang Berhormat khas-nya dari Ipoh, Ahli² Yang Berhormat dari Socialist Front, loya mereka hendak menyebutkan dalam Bill ini dalam bahasa kebangsaan.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, saya nampak mereka ini pula minta dan ada satu rayuan yang berbisek² kepada Kerajaan supaya bahasa kebangsaan yang di-gunakan dalam masa temu-duga kerana hendak mendapat kera'ayatan negeri ini di-hapuskan. Satu lagi rayuan, Tuan Pengerusi, ia-lah minta bahasa Inggeris di-ajar dalam sekolah jenis kebangsaan China dan India daripada awal. Padahal sekarang Kerajaan memberi peluang sa-telah 3 tahun bahasa Inggeris itu di-ajarkan dalam sekolah jenis kebangsaan yang saya sebutkan. Dengan memasokkan 3 bahasa dalam sekolah rendah jenis kebangsaan itu saya nampak anak² kita yang maseh mentah itu tidak akan dapat menampung 3 bahasa, tatkala itu yang akan kechiwa, Tuan Pengerusi, bukan-lah bahasa ibunda, tetapi yang akan kechiwa kelak ia-lah bahasa kebangsaan kita. Ini juga harus di-perhatikan. Itu-lah rupa anasir² yang berupa hendak menghanchorkan dan menentang bahasa kebangsaan kita supaya dapat di-laksanakan. Saya nampak bisekan bahasa Inggeris yang sa-umpama ini berupa menjahanamkan dasar pelajaran pada hendak melaksanakan bahasa kebangsaan. Mereka itu manakala di-sekolah menerima 3 bahasa akan kechiwa-lah dalam bahasa kebangsaan sa-bagaimana saya katakan, dan sa-kali lagi saya menganggap kalau ada Ahli² Yang Berhormat dalam masa Kerajaan hendak melaksanakan bahasa kebangsaan ini mengambil chontoh pelajaran Inggeris di-Singapura, fikiran yang sa-macham itu ada-lah silap dan salah, sebab dalam bidang pelajaran di-Singapura itu kita beri mereka kuasa otonomi.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan

Bahagian Pelajaran Lanjutan. Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menyebutkan tadi Kerajaan sedang menubuhkan sa-buah jawatan-kuasa untuk mengkaji Sekolah Pelajaran Lanjutan. Saya ada-lah mengalu²kan pengumuman yang di-buat oleh beliau itu, saya chuma hendak sentoh dua perkara sahaja dalam hal ini supaya di-timbangkan dengan menambahkan tugas pada memberi pelajaran kepada anak kita yang lepas daripada sekolah rendah. Dengan ada-nya Sekolah Pelajaran Lanjutan dan Sekolah Pertukangan saya harap dalam sekolah laki²-nya di-adakan mata pelajaran bertukang emas, intanberlian, kasut dan dobi, sebab daripada pelajaran ini boleh menaikkan ekonomi orang² di-luar bandar. Dalam bahagian tukang emas orang Melayu belum ada lagi, kechuali di-negeri² Kelantan dan Trengganu, walhal emas itu ada-lah satu perkara yang di-ingini oleh semua orang, terutama sa-kali wanita dan orang laki² pun sudah memakai rantai emas. Dalam bahagian wanita-nya saya minta di-adakan pelajaran bersolek dan mengkeriting rambut, pelajaran urusan rumah-tangga dan jahit-menjahit sudah ada. Ini mengikut keadaan, dan mengikut keadaan ra'ayat di-Malaysia memang suka berkeriting rambut. Jadi, kalau ra'ayat di-kampung sudah erti mengkeriting rambut, mereka boleh mengkeritingkan rambut anak²-nya dan tidak payah pergi kedai keriting rambut lagi, dan boleh menaikkan taraf bangsa Malaysia dengan bangsa² yang lain. Saya kemukakan soal ini ia-lah memandangkan ra'ayat di-luar bandar dalam masa 4-5 tahun lagi hidup-nya akan mewah, sebab getah mereka sudah boleh di-toreh, maka ada di-antara mereka yang berlumba² membelanjakan wang-nya dalam perkara yang saya sebutkan itu. Saya pernah di-beritahu masa getah berharga \$2 sa-kati dahulu orang kampung pergi kedai emas di-beli tembaga mereka fikirkan emas. Jadi dengan ada orang kita berniaga emas tidak-lah mereka itu di-tipu lagi dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu berkenaan dengan Bulan Bahasa Kebangsaan. Dalam hal ini pehak

Kerajaan telah mengadakan sa-buah jawatan-kuasa perlaksanaan bahasa kebangsaan di-peringkat pusat, negeri dan daerah, tetapi menurut himah saya tidak berguna jawatan-kuasa itu jika di-dapati ada pehak yang menghalang akan tujuan yang menjadi dasar Kerajaan, terutama sa-kali orang Melayu kita kalau tidak di-ambil tindakan yang sa-wajar-nya. Oleh itu, saya menuntut sa-suai dengan dasar Kerajaan supaya ada tindakan keras dan berkesan di-lakukan ka-atas petualang² yang menyekat dan menghalang menggunakan bahasa kebangsaan, khas-nya mereka lakukan dalam Bulan Bahasa Kebangsaan. Sa-kira-nya tidak di-ambil tindakan usaha Kerajaan akan sia² dan wang peruntokan Bulan Bahasa Kebangsaan ini akan juga sia². Perkara yang demikian pernah di-lakukan oleh orang² yang bukan Melayu, pada permulaan-nya boleh-lah kita ma'afkan, kerana mungkin bahasa kebangsaan-nya kurang sempurna, tetapi yang saya fikir tidak patut kita ma'afkan kepada orang Melayu kita sendiri. Saya dapat berikan satu chontoh ia-itu dalam masa perayaan Bulan Bahasa Kebangsaan di-Trengganu, di-dalam kawasan yang tidak berapa jauh ra'ayat di-sana mengadakan perayaan itu, tetapi di-kawasan yang dekat juga pegawai² Kerajaan membuat satu perayaan berupa menentang bahasa kebangsaan itu. Sa-lain daripada itu, saya pernah juga mengikuti pegawai² orang Melayu bersama² dengan pegawai² bangsa Inggeris, pegawai² Inggeris suka berchakap bahasa kebangsaan, tetapi pegawai² Melayu dengan mendabek dada-nya menggunakan bahasa Inggeris. Jadi, bagini-lah kedudukan-nya dalam masa Bulan Bahasa Kebangsaan. Saya harap pehak Kerajaan mengambil perhatian dalam masaalah ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya tidak hendak menyentoh apa² perkara dalam bidang ini, saya hanya mengalu²kan atas usaha² yang di-lancarkan sekarang nampak-nya sangat baik. Saya hanya suka menarek perhatian Dewan Bahasa dan Pustaka menubuhkan

sa-buah jawatan-kuasa menterjemah kitab² ugama yang tinggi dan sejarah Islam ka-dalam bahasa kebangsaan dengan menggunakan tulisan rumi. Buku² yang tersebut kelak akan menjadi bacaan umum, sama ada orang Islam atau yang bukan Islam dan juga boleh di-gunakan di-sekolah² menengah dan tinggi. Tuan Pengerusi, saya nampak dalam tanah ayer kita sangat kurang buku² yang tersebut, padahal pelajar² kita sangat dahagakan buku² yang berunsor ugama Islam, dan daripada buku² ini akan memberi pertolongan yang besar kepada mereka. Oleh sebab kekurangan buku² yang berunsor Islam, maka kita dapati ra'ayat negeri ini mengubah sajak-nya sampai menidakkan Tuhan. Ini sangat merbahaya. Menurut pendapat Pendita Za'ba wajib di-bunuh manusia yang sa-umpama itu. Sa-kira-nya Kerajaan mengambil perhatian yang berat saya perchaya usaha itu dapat di-laksakan dengan sa-berapa yang boleh dan akan memberi faedah kepada ra'ayat.

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit lagi dalam perkara pelajaran ugama di-sekolah menengah. Perkara ini sangat kekurangan dan belum dapat di-sempurnakan oleh Kementerian untuk memberi guru ugama mengajar di-sekolah menengah dan sekolah lanjutan. Saya harap perkara ini di-laksanakan supaya tidak-lah anak² kita yang sedang menuntut di-sekolah menengah dan sekolah lanjutan itu ketinggalan dalam pelajaran ugama. Saya suka memberi satu chontoh di-Sekolah Menengah Tangkak sampai sekarang ini belum di-hantar lagi guru ugama sekolah menengah. Satu perkara lagi, Dato' Pengerusi, dalam bahagian biasiswa yang berkehendakan wang sa-banyak \$1 million lebih. Ini saya nampak, biasiswa selalu kita beri peluang kepada anak² kita Melayu ia-itu di-beri tiga kepada orang² Melayu dan satu kepada orang bukan Melayu, tetapi bila di-kehendaki anak Melayu—ta' dapat, oleh sebab kurang syarat. Mereka itu berkehendakan lulus universiti grade satu, tetapi bagi anak² Melayu kita banyak yang lulus grade dua, atau tiga. Jadi, ta' layak-lah bagi

anak² Melayu kita itu untuk mendapatkan biasiswa. Saya suka menganjurkan kepada Kerajaan ia-itu untuk memberi peluang kepada anak² kita Melayu masok ka-universiti, beri-lah peluang kepada anak² Melayu supaya di-bolehkan mereka itu masok ujian peperiksaan sa-kali lagi. Kalau umpama-nya dia lulus grade dua, atau tiga, beri-lah dia peluang sa-kali lagi dengan memberi ujian sa-kali lagi, dan dengan jalan ini, saya perchaya dapat di-beri peluang kepada anak² Melayu yang sangat kurang dalam universiti itu.

Kelemahan anak² Melayu dalam universiti, sa-bagaimana yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan tadi, saya aku, tetapi rasa saya satu sahaja ia-itu anak² Melayu hanya ada 12 peratus sahaja, manakala anak² yang bukan Melayu lebih daripada itu. Mereka ini (anak² Melayu) kadang² khayal dengan berbagai² kawan-nya sa-bagai penuntut, kadang² terlalai pula dengan penuntut² wanita yang ada di-universiti itu. Jadi, anak² Melayu itu bila masok pereksa, ta' lulus, bila pereksa mendapat grade dua dan grade tiga, sedangkan anak² bangsa asing mendapat grade yang pertama. Oleh itu, saya harap supaya perkara ini mendapat perhatian daripada Kementerian Pelajaran.

Enche' Song Thian Cheok (Sarawak): Mr Chairman, Sir, we from Sarawak would naturally like to bring our problems to this House and to the attention of the Central Government for deliberation and consideration.

The debate on the policy of education is now over, but you will appreciate, Sir, that we from Sarawak have had no opportunity to speak then because of time factor. I, therefore, hope that you will bear with me, Sir, if I touch briefly on the existing policy on education in Sarawak.

Mr Chairman: So long as it is not too long!

Enche' Song Thian Cheok: I will try to be very brief, Sir.

The subject of education is attracting much public interest and causing great concern to the people of Sarawak. It was raised at the recent meeting of the

Council Negeri. There is a growing feeling among Members on both sides of the House in Council Negeri that Sarawak's education policy, as laid down in the days of the Colonial Government, needs urgent review. As education in Sarawak is a Federal subject, questions connected therewith were not satisfactorily answered when raised in Council Negeri. I am, therefore, obliged, Sir, to raise the matter here in this House, and it is my fervent hope that the Honourable Minister of Education will not refer me back to the State Government.

Sir, the aim of Sarawak's education policy is to provide every child of the age of six with a place in a primary school by 1968 under its Five-Year Development Plan. It is a far cry from what is obtaining in Malaya. There is also considerable criticism and much concern over the fact that under the present policy only 30% of primary school-leavers are able to continue their studies in the State-run or State-aided secondary schools. The rest of the primary school-leavers, whose ages now range between twelve and fifteen, because of automatic yearly promotion, have to leave school unless they live in one of the towns like Kuching, Sibuluan, or Miri, and unless their parents can afford to send them to one of the very expensive private unaided secondary modern schools, which have sprung up during the last two or three years to cater for these unfortunate children.

Sir, not all the parents can send their children to these private secondary schools, and the increasing number of children of tender age, who have to leave school, is a matter of great concern in the towns as they are unable to get employment until they are sixteen, unlike children in the rural areas who work and help their parents in the farms. The children are, therefore, literally let loose in the streets and are subject to all evil influences that may prey on idle hands and idle minds. Sir, these problems had been brought to the attention of the then Colonial Government in Sarawak from time to time, but little heed was paid to warnings from community leaders. Is it any wonder then that Sarawak today faces

social and economic problems which beset them in the form of frustrated young people, who have taken to the jungle or gone across the Indonesian border? With independence through Malaysia, the people of Sarawak now expect that urgent steps will be taken to tackle our educational problems boldly and that steps will be taken to re-orientate our education policy, so that it will cater for the needs of a developing country with the bulk of its people dependent on agriculture for their living.

Sir, it is the general feeling that the present system, if pursued to its logical conclusion, will create more social and economic problems in the future as education expands in the rural areas. The six-year primary course leads up to a blind alley, and the children do not learn a trade, are aimless and unable to settle down to life in their own community; in the rural areas it does not make a boy a better farmer and in the town he is not a better worker or an artisan. Of the 30 per cent, who go on to secondary schools, more are eliminated in Form III, i.e., at the Junior Secondary School level, and leave school as even more frustrated young people as no vocational training is available. Sir, I am no education expert and, therefore, cannot suggest remedies. All I am anxious to do now is to draw the attention of the Central Government to the needs of the people of Sarawak, who have been led to hold high expectations from Malaysia. We sincerely hope that our expectations will be fulfilled.

Here in the former Malayan States, there is free primary education for all, and a further two or three years of post-primary education are, I understand, on the way. In Sarawak we would only be able to provide a place in the primary school for every child in 1968. It is only right that in the meantime every child now in the primary school in Sarawak should be treated on the same basis as his or her Malayan brother or sister, and be exempted from payment of fees. The stock answer from the Colonial Government in Sarawak was that it was a question of money. We are, however,

firmly of the opinion that a little more money spent now on education based on the right lines in the long run is in the better interests of the people and the State, and more conducive to their security, prosperity and happiness, and may save some money that may have to be spent on a bigger police force in the future.

Mr Chairman, Sir, we see that there is no provision in the 1964 Budget for free primary education in Sarawak. The omission, Sir, to say the least, is regrettable. I well remember what the Honourable the Prime Minister had said when he tried to sell the concept of Malaysia to the people of Sarawak. Among other things he had said and promised was improved educational facilities for all, if they joined Malaysia; and I, therefore, Sir, can do no more than to ask now, and here in this House, for the early fulfilment of that promise, and also for the Prime Minister's assurance in this regard. We, in Sarawak, would like to see that the backward and unsophisticated people in the rural areas are given equal educational facilities and opportunities so as to enable them to catch up with their more fortunate brothers and sisters in Malaysia. Thank you, Sir.

Enche' Tan Phock Kin: Mr Chairman, Sir, I would like to speak under *Ibu Pejabat*, Sub-head (1), Menteri Pelajaran, and also to touch on the general administration of the Department itself.

It appears to me, Sir, that there is lack of co-ordination between the Minister on the one hand, who is formulating policies for the Government, and the administrators, who implement those policies in the various States. Whatever action is taken by, say, a Chief Education Officer, or his deputy, or his assistant, will reflect the policy of the Government. It is important, Sir, that people in this particular category should be given clear instructions as to the things they should do and the things they should not do. It also appears to me that of late there has been a gradual usurpation of powers of Education Officers by the Special Branch—and I say it, Sir, with very clear proof. So much interference

has taken place that it gives the impression to people serving on the Boards of Management of schools that there is no freedom of expression, and there is no freedom of publication of views expressed by Chairmen of Boards of Management on occasions like Speech Day, or on similar-like occasions. I say so, because, Sir, on one occasion the speech of a Chairman of an independent school was published in the newspapers and later on it was published in the school magazine. But before the magazine was distributed, one of the Education Officers, in the State level, informed the Headmaster that the magazine should not be circularised. No reasons whatsoever were given, but on making inquiries it was stated that the Special Branch had certain objections. Surely, Sir, if the Special Branch has any objection to speeches being published in school magazines, then it is the duty of the Special Branch, in its own right, to inform the school, to inform the educational authorities as well about it, and appropriate action be taken against whoever it may be responsible for the speech in question. However, Sir, when the matter was referred to the Minister himself, I am glad to say that he saw to it that the prohibition was lifted. Surely, there must have been a misunderstanding on the part of people in the lower rung of the ladder as to Government policy with regard to such matters, and I would urge the Minister concerned to take effective steps to see to it that people working in the Education Ministry are not unduly influenced by people working in the Special Branch because they are distinctly two Ministries, and whatever is done by people in the Education Ministry will be interpreted with concern as the policy of the Government, rightly or wrongly. It is with this that I would like to urge the Minister concerned to take effective steps with regard to this particular matter.

In the past few months, Sir, there has been also growing concern with regard to a certain matter, and earlier in the course of his speech my Honourable friend, the Member for Seberang Selatan, has mentioned the question of

academic freedom. With the resignation, Sir, of the Vice-Chancellor of the University of Singapore, Dr Sreenivasan, there has been growing concern in this country, particularly among graduates, as to the fear that the people of this country may suffer the same fate. It will be of interest to this House that members of the Guild of Graduates of the University of Malaya did express their concern on this matter in passing a resolution "that they view with grave concern the events which led to the resignation of the Vice-Chancellor of the University of Singapore and recommends to the Council that the Council shall seek an assurance from the Government of Malaysia that it will take steps to ensure respect for the autonomy and academic freedom of the University, so that what has happened recently in the University of Singapore will not happen here." I feel sure, Sir, that the Minister of Education will be in sympathy, as all right-thinking persons will, with this viewpoint of the Guild of Graduates. However, Sir, in the course of duty one may mix up political duties with purely educational duties and I am afraid, Sir, that unless the Minister himself can give us the assurance, the people will still be in doubt as to what this Government will do with regard to academic freedom, because one very sorry fact reveals itself, and that is the Government of this country, which has a representative in the University of Singapore, did endorse the action of the Singapore Government on this particular matter.

Mr Chairman: The point of academic freedom is not a point which should be debated at this juncture. It should have been debated in the general debate. You can overcome it by way of a suggestion. That I can allow. But do not make that point an issue for your debate. There is a difference between the two and when you overstep that you are going into the general policy. You have got to be very careful.

Enche' Tan Phock Kin: Very well. That was actually my intention—to put forward the idea, in view of the

public reaction to this, that the Government should not overstep itself in its enthusiasm to carry out certain duties—because, Sir, infringement of academic freedom can take various forms and people who are responsible may actually infringe academic freedom without actually realising it. For example, if the Government is not in favour of an expatriate officer being employed by the University, what the Government can do will be to apply its powers in refusing to grant a work permit to that particular officer. But it would be wrong for the Minister concerned, or the Government concerned, to direct the Vice-Chancellor of the University not to re-engage so-and-so for reasons which the Government themselves know. As far as the University is concerned, they will employ a person purely on academic grounds, and if it is undesirable that that person should be employed on other than academic grounds, the Government should have the courage of its conviction to take the appropriate action and not to insist on the Vice-Chancellor not to engage the lecturer. This is one little example. Another example is that if the Government is of the view that graduates of certain schools should not be admitted to the University until they have been screened by the Special Branch, then the Government must have the courage of its conviction to give a definite directive to the University, and not to insist that the university authorities, or the Vice-Chancellor, should not admit graduates of Chinese schools into the University unless and until they have been screened by the Special Branch. The question of admission is a tradition. It is the traditional belief of every university that a person's political views, a person's religious views, a person's colour, race or creed, will have nothing to do with his competence to get admission into the university. What the university is interested in is whether he is academically suitable as a candidate for the university.

Thirdly, Sir, a university being an autonomous body, lecturers in the university are free to participate in politics as they like, so long as they

do not use the university as a forum for their political views. So, if a lecturer in a university were to contest elections, it will be wrong for the Government to tell the Vice-Chancellor to dismiss this particular lecturer, because by so doing they are bringing political considerations into play. Similarly, Sir, with regard to the political activities of students in a university, it is for the Vice-Chancellor to judge whether the undergraduates of the university should form political clubs of their own, whether they be of a left wing or right wing nature, and it would be wrong for the Government or the Minister to interfere in all this. In the case of Singapore, it is this encroachment of the Singapore Government into the field of university education in directing the Vice-Chancellor to do all these things which led the Vice-Chancellor to resign. But the resignation came not because of all this. The Vice-Chancellor had the support of the University Senate as well as the University Council.

Mr Chairman: Order! order! That has nothing to do with the debate on education.

Enche' Tan Phock Kin: I am just putting it as a suggestion as to what can happen, Sir.

Mr Chairman: You should be very careful.

Enche' Tan Phock Kin: Yes, Sir, I shall be very careful. So it is on these lines, but fortunately the Vice-Chancellor acted on his convictions and refused to budge an inch. As a result of that, the Singapore Government was forced to take the unpopular action of refusing to grant financial grants to the university unless the Vice-Chancellor resigned.

Mr Chairman: It has nothing to do with this debate.

Enche' Tan Phock Kin: So, here in Malaya, Sir, it is my earnest hope that the Minister concerned will bear in mind all the examples I have given. It is a matter of regret that the Government of this country saw fit to support the action of the Singapore Government. It appears to be in direct

contradiction with the view of the Minister of Education, who supports not only academic freedom but also the freedom of Boards of Management to express themselves freely, and it is my earnest hope that the Minister concerned will use his influence to see to it that not only in this country we will not do it but also in places, where we have representatives, that those representatives should actually express the views of the Government.

Enche' Mohamed Dun bin Banir (Sabah): Tuan Pengerusi, saya berdiri di-sini ada-lah mengalu²kan bagi perbelanjaan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pagi tadi. Tuan Pengerusi, saya minta-lah di-dalam Dewan yang mulia ini kepada Menteri Yang Berhormat ia-itu bagi pihak kami di-Sabah ada-lah pada masa ini berkenaan dengan pelajaran ada-lah guru² yang di-sana sangat² kekurangan. Dari itu saya minta-lah daripada pihak Menteri yang berkenaan untuk mempertimbangkan dan memberikan peluang bagi pihak pejabat pelajaran kami di-sana menghantarkan guru² melanjutkan pelajaran sama ada di-seberang laut atau pun di-Malaya ini, sebab-nya bagi pihak di-Sabah, saya suka-lah hendak menerangkan ada-lah sangat² kurang di-dalam lapangan pelajaran. Sa-bagaimana yang Ahli² Yang Berhormat di-sini ma'alum bahawa kami baharu sahaja terlepas daripada ikatan kakitangan kami. Dari itu besar-lah pengharapan kami pihak yang berkenaan dapat mempertimbangkan dengan sa-berapa yang boleh, sebab kekurangan guru² itu tadi memang-lah tidak dapat di-elakkan bagi pihak kami di-Sabah. Saya juga merayu kepada pihak Kementerian yang berkenaan ia-lah berkenaan dengan Pegawai Pelajaran (Education Officer) bagi pihak Sabah. Kami minta-lah kepada pihak Menteri yang berkenaan memberi peluang kepada orang² yang mempunyai pekerjaan yang lama mengambil tempat seperti Pegawai Pelajaran (Education Officer). Sebab-nya bagi pihak kami di-Sabah sungguh pun terlepas daripada rantai besi ada-lah juga di-sifatkan pada masa sekarang berkenaan dengan pelajaran

atau pun yang lain² perkara maseh juga tertindas, sebab-nya ada-lah pegawai² itu daripada bangsa asing, maka sa-kadar-nya ada-lah juga janji² itu kepada ra'ayat² di-sana memberi peluang terbuka kepada mereka, dari itu-lah kami dengan sa-berapa boleh-nya minta-lah rawan kasehan memberi peluang kepada pegawai² yang telah bertugas sa-bagai Supervisor of School itu di-beri peluang menjadi Pegawai Pelajaran (Education Officer). Sebab jika sa-kira-nya tempat itu maseh lagi di-pegang oleh bangsa asing tentu sa-kali-lah bagi orang² kami tidak dapat melanjut atau pun meluaskan pelajaran-nya atau pun mendapat peluang² yang baik berkenaan dengan kemajuan dari segi pelajaran. Jikalau pun ada peluang itu kosong tentu sa-kali mereka itu kata tidak ada kosong (no vacancy). Jadi dari itu-lah saya berharap dan merayu kepada pehak Menteri Pelajaran memper-timbangkan bagi pehak kami di-Sabah yang mana telah sangat kebelakang dalam segi pelajaran.

Saya suka lagi mengulangi berkenaan dengan guru² pada masa sekarang. Kami sangat² kekurangan guru pelateh, dan kami juga berkehendakkan menambah sekolah² di-luar bandar, tetapi malang-nya pula guru² agama susah dapat. Dari itu saya merayu sa-kali lagi kepada Menteri yang berkenaan memberi peluang kepada murid yang telah lulus dan berlateh di-seberang laut untuk melanjutkan pelajaran dan bawa kembali di-negeri kami Sabah untuk mendidik anak² yang akan datang. Sebab-nya pada masa sekarang yang sangat² berguna ia-lah pelajaran. Biar pun sa-kira-nya orang itu sangat bijak dan sangat pandai dengan tidak mempunyai pelajaran, saya perchaya tentu sa-kali tidak dapat membuat apa juga yang hendak di-buat-nya.

Tuan Pengerusi, sudah beberapa tahun yang lalu kami telah merasa tindasan dari pehak penjajah berkenaan dengan pelajaran, sebab bagi pehak kami di-sana tidak-lah di-beri peluang dari segi pelajaran. Kami sangat² tertindas di-bawah sa-kali. Ada-lah tindasan ini datang-nya daripada penjajah, tetapi masa sekarang

penjajah telah luput. Jadi dari itu kami harap mendapat peluang dari segi pelajaran dan bantuan daripada pehak Menteri yang berkenaan sekarang ini. Dan saya sa-kali lagi merayu yang mana telah saya terangkan tadi ia-itu Education Officer itu ada-lah sangat perlu kepada pehak kami, dan juga jika sa-kira-nya ada rawan kasehan pehak Menteri yang berkenaan kami suka kalau dapat guru² dari Sabah untuk berlateh berkenaan dengan agama. Sungguh pun saya perchaya di-Sabah tidak ada Agama Rasmi, tetapi suka-lah saya merayu berkehendakkan satu atau dua guru dari Sabah untuk berlateh berkenaan dengan agama, ia-itu Islam, saya bukan-lah hendak memaksa perkara ini, tetapi saya minta timbangan dengan sa-berapa yang boleh. Sa-takat ini-lah sahaja saya katakan dan saya menyokong penoh atas perbelanjaan yang telah di-shorkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pagi tadi.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Pengerusi, di-dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran pagi ini beliau telah membayangkan beberapa kemajuan² yang telah di-chapai di-dalam lapangan pelajaran dalam negeri ini. Sa-bahagian daripada apa yang di-bayangkan-nya itu ada-lah menyenangkan fikiran kita, dan banyak perkara² yang di-aku² juga oleh Yang Berhormat Menteri itu yang maseh menjadi persoalan dan masalah² yang berhajatkan kepada penyelesaian. Kementerian Pelajaran ada-lah mendapat peruntukan yang lebeh banyak pada tahun ini, maka pada tempat-nya-lah sa-kira-nya perhatian di-berikan agak lebeh kepada Kementerian yang di-letakkan kapada-nya harapan masa hadapan bagi negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya lebeh dahulu hendak memberi ulasan kepada Butiran (4) daripada peruntukan Kementerian Pelajaran ini di-muka 136 ia-itu Ketua Penasihat Pelajaran. Saya rasa ra'ayat negeri ini patut menguchapkan terima kaseh kepada Ketua Penasihat Pelajaran negeri ini yang baharu² ini telah memberi gambaran yang baik dan chukup

kemas berkenaan dengan masalah dan persoalan dalam hal pelajaran.

Pagi tadi, Tuan Pengerusi, apa yang telah berlaku di-Dewan ini telah menunjukkan bahawa soal² pelajaran itu ada-lah benar dan sunggoh. Dalam masalah pelajaran ini, Ketua Penasihat Pelajaran Persekutuan telah meminta supaya di-adakan gencatan senjata di-antara pihak² yang bertarong dengan kepentingan politik dan sa-bagai-nya supaya menghadapi masalah pelajaran ini sa-bagai masalah persatuan kebangsaan dan sa-bagai-nya, seperti bahasa kebangsaan, seperti Perlembagaan yang telah di-putuskan dalam negeri ini, tetapi pagi tadi kita telah mendengar betapa pertarongan itu berjalan terus apabila sa-orang Ahli Yang Berhormat dari sa-belah sana telah menyatakan bahawa tujuan besar-nya ia-lah hendak menjaga kepentingan pelajaran yang bukan kebangsaan dalam negeri ini. Memang benar, Tuan Pengerusi, soal pelajaran ini ada-lah satu soal yang tidak lagi patut di-persoalkan dasar-nya, tetapi saya hairan bahawa maseh ada orang² dalam Dewan ini yang menjadikan-nya sa-bagai satu masalah yang sengaja di-bangkit²kan.

Sa-orang Ahli Yang Berhormat, baharu sa-bentar tadi telah mengeshor-kan kepada Kerajaan supaya berwas-pada dan mengambil tindakan terhadap orang² yang seperti itu, seperti yang dia nampak itu-lah orang² yang dudok dari sa-belah sini, tetapi dia tidak berapa nampak orang² yang dudok dari sa-belah sana.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju bahawa siapa sahaja yang ingin memesonkan perjalanan pelajaran dalam negeri ini hendak-lah di-ambil tindakan ka-atas-nya, walau apa orang-nya, baik dari kawan mahu pun dari lawan. Saya fikir sudah pada tempat-nya-lah yang Kementerian Pelajaran ini bertegas dalam soal perkembangan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pelajaran di-negeri ini.

Pada satu masa baharu² dahulu, sa-buah sekolah yang bukan kebangsaan telah menyebarkan borang² kepada murid² sekolah-nya untuk di-sampaikan kepada ibu bapa mereka

supaya ibu bapa mereka itu menanda tangani borang² itu. Saya telah melihat borang itu sendiri, dan dalam borang itu, tujuan-nya yang besar ia-lah hendak mengeneipkan tuntutan bagi mempelajari bahasa kebangsaan, oleh kerana Kerajaan tidak menghantar guru² yang chukup di-sekolah² jenis kebangsaan itu.

Tuan Pengerusi, ada-lah menjadi kewajiban pada Kementerian ini supaya sentiasa ingat bahawa sa-kira-nya ada anasir² yang seperti itu tidak di-kawal, maka chita² pelajaran kebangsaan dalam negeri akan kosong sa-mata².

Satu daripada perkara yang besar yang patut kita timbangkan di-sini ia-lah bersangkutan dengan kedudukan guru² di-sekolah². Saya berchakap sekarang ini ia-lah dalam Butiran (637) dan Butiran (639) ia-itu dalam muka 158. Kedudukan guru² dalam negeri kita ini telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tentang apa yang hendak di-buat, tetapi saya mengatakan sudah sangat lama-lah masalah ini yang menjadi persoalan dalam Kementerian ini, hingga pada masa ini, pada hari kita bersidang ini, lebeh kurang hanya kita dapati dalam seluruh sekolah² kita tiga perlima sahaja daripada guru² yang terlatah dan kekal dalam jawatan-nya. Ini bererti dua perlima daripada guru² yang mengajar di-sekolah² terutama di-sekolah² kebangsaan dan di-sekolah² jenis kebangsaan yang agak tinggi sedikit, boleh di-katakan tersusun daripada orang² yang tidak terlatah dan orang² yang bekerja sementara dengan Kerajaan. Temporary Teachers, Tuan Pengerusi, kalau kita menchari sebab²-nya bagi kekurangan kelulusan dan kejayaan di-dalam pepereksaan dalam negeri ini, maka kebanyakan-nya daripada murid² dan guru² yang di-tanya fikiran-nya menjawab bahawa mereka belajar dengan guru² yang tidak terlatah dan guru² sementara.

Tuan Pengerusi, boleh jadi ada langkah² yang di-buat oleh Kerajaan dalam hendak mengatasi kesulitan ini di-peringkat sekolah² bandar ia-itu sekolah² besar, tetapi kita maseh

mendapat bahawa sekolah² kecil yang jauh terpenchil ia-itu sekolah² kampung bahawa bilangan-nya dua perlima daripada guru² itu yang tidak terlatah yang berkumpul banyak di-daerah² itu. Ini, Tuan Pengerusi, ada-lah mengenakan nasib yang tidak baik pada mereka² yang tinggal jauh dan kapada mereka² yang kurang kesang-gupan untuk menghantar anak² mereka ka-sekolah² yang besar² di-bandar². Saya kesal pada Kerajaan ini, kerana terbiar-nya keadaan ini dan akan terbiar-lah nasib orang² yang pada hari ini yang tidak berkemampuan sa-kira-nya Kerajaan ini tidak meng-ambil langkah yang tegas dan chepat bagi mengatasi kekurangan guru² yang terlatah dan yang tetap dalam Kementerian Pelajaran pada masa ini.

Tuan Pengerusi, kita menghadapi satu perkembangan pelajaran dan dalam perkembangan pelajaran ini alat yang besar ia-lah guru². Saya fikir sudah sa-patut-nya Kerajaan ini mengadakan penyiasatan dan meng-adakan pemikiran yang mendalam supaya bagaimana-kah dapat masaalah guru² yang ta' terlatah dan guru² sementara yang ada kebanyakan-nya di-sekolah² rendah kebangsaan dan di-sekolah² menengah, dan sa-bahagian daripada-nya di-sekolah² jenis ke-bangsaan dalam negeri ini. Jikalau tidak, maka wang yang kita belanjakan bagi pelajaran ini akan tidak memenohi tujuan asal-nya dengan sempurna ia-itu sa-bagai satu penanaman modal bagi kemajuan negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentoh hal² yang meliputi kehidupan pelajaran mereka² yang miskin terutama di-kampung². Di-dalam Anggaran Perbelanjaan ini muka surat 165 ada di-beri peruntokan bagi buku² pelajaran Sekolah Menengah Kebangsaan. Tuan Pengerusi, amat-lah baik-nya langkah Kerajaan memberi buku² saperti ini. Tetapi di-dalam satu persidangan Dewan ini di-masa tanya-menanya, saya telah bertanya kapada Menteri Yang Berhormat sama ada dia telah puas hati bahawa dengan peruntokan buku² ini dan dengan pelajaran yang lalu itu, buku² yang di-berikan kapada murid² sekolah kebangsaan itu menchukupi atau dia

berpendapat bahawa buku² itu hanya sa-bahagian sahaja yang di-beri atau pun dengan sa-bilangan besar dan kecil daripada murid² itu sahaja yang di-berikan. Menteri Yang Berhormat telah bangun mengatakan bahawa dia berpuas hati bahawa buku² itu di-berikan kapada semua murid² yang belajar di-sekolah kebangsaan. Saya pun merasa hairan kenapa Menteri Yang Berhormat ini berpendapat demikian, tetapi oleh kerana masa itu bukan-lah masa bahathan saya diam sahaja. Saya tahu bahawa pemberian buku² yang di-untokkan oleh Kerajaan itu tidak-lah menchukupi kehendak² perbukuan bagi murid² sekolah kebangsaan dan tidak-lah boleh di-katakan oleh Menteri Yang Berhormat ini memuaskan. Saya telah mengadakan sedikit sa-banyak penyelidikan, saya dapati yang di-berikan ia-lah sa-bahagian daripada buku² atau pun sa-bilangan besar dari murid² di-sekolah.

Pagi semalam saya dapat satu chontoh dalam sa-buah sekolah yang menunjukkan bahawa apa yang di-katakan oleh Menteri Yang Berhormat itu tidak benar. Sa-orang yang miskin telah di-tuntut oleh guru sekolah anak-nya sa-banyak \$9.55 untuk harga buku dan di-berikan-nya senarai buku² itu; senarai tuntutan itu ada pada saya di-sini. Yang mustahak pada saya ia-lah bagaimana-kah chara yang telah di-buat oleh Menteri Pelajaran dan Kementerian ini di-dalam mem-berikan buku² kapada anak² sekolah. Orang yang mengadu hal kapada saya ini ada-lah sa-orang miskin dan oleh kerana anak-nya berhajatkan buku² dan dia tidak mempunyai wang sa-banyak itu; walau pun cherita rancangan pembangunan luar bandar kemewahan ra'ayat di-sebut²kan di-dalam Dewan ini tetapi dia tahu bahawa dia tidak berkesanggupan dan telah meminta bantuan daripada Pejabat Kebajikan Masharakat di-tempat-nya dan pada akhir-nya per-mintaan itu di-tolak. Beberapa hari dahulu di-dalam *Warta Negara* telah di-siarkan betapa keluarga² Melayu terpaksa menghadapi kesulitan kerana memenohi tuntutan buku² bagi anak—satu, dua atau tiga.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya pelajaran kepada orang² yang miskin seperti ini hendaklah di-pikul oleh Kerajaan, apa lagi kalau dia sa-bahagitu miskin sa-hingga tidak dapat membeli buku yang berharga \$9.00 bagi sa-orang anak-nya. Tuan Pengerusi, orang² di-kampung sama juga seperti kita wang-nya sedikit tuntutan-nya mendatang dan tidak ada simpanan supaya di-untukkan bagi pelajaran, maka saya menuntut kepada Menteri Yang Berhormat ini supaya menyungguhkan apa yang di-katakan di-dalam Dewan ini bahawa Kerajaan ada memberi buku² kepada sekolah² kebangsaan dengan memuaskan. Dan sa-kira wang-nya tidak cukup maka menjadi kewajipan-nya-lah menuntut penambahan perbelanjaan. Guru Temporary—Guru Sementara, guru ta' terlateh, buku tidak ada, keadaan seperti ini hanya akan menimbulkan kekechiwaan dan ini mesti-lah di-awasi oleh Kementerian ini kerana Kementerian ini ada-lah sebuah Kementerian yang menelan perbelanjaan yang sa-bagitu banyak.

Tuan Pengerusi, berchakap berkenaan dengan kelulusan di-dalam peperiksaan yang tadi-nya kita tahu bersama bahawa ia-itu sedikit sangat kerana kekurangan alat² dan sa-bagai-nya. Saya terpaksa menyentuh masalah bochor di-dalam peperiksaan. Kita ada mengeluarkan wang sa-bagai perbelanjaan peperiksaan, dan mempunyai Lembaga Peperiksaan, tetapi sudah dua tiga kali kita mendengar bahawa soal² peperiksaan itu bochor

Mr Chairman: Di-bawah mana itu?

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Di-bawah Pemberian kepada Lembaga Peperiksaan.

Mr Chairman: Muka?

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Muka 145 (1) Lembaga Peperiksaan dan satu lagi Belanja Peperiksaan muka surat 159 (6). Tuan Pengerusi, perkara peperiksaan ada-lah perkara yang hebat—yang solemn, perkara demikian hebat dan sungguh pada pandangan mereka yang masuk peperiksaan.

Saya tidak tahu apa-kah yang menyebabkan perkara ini berlaku

dalam negeri ini, dan saya berharap kejadian² yang membawa kepada keadaan yang seperti ini akan dapat dihindarkan pada tahun hadapan, sebab kita ada membayar belanja kepada pemereksaan dan sa-bagai-nya di-dalam negeri ini. Hal ini, Tuan Pengerusi hanya dapat di-kawal dengan sistem yang baik, dan kalau sa-kira-nya mustahak saya shorkan kepada Menteri Yang Berhormat supaya melihat sa-mula bagaimana-kah chara sistem yang di-buat sekarang ini supaya ia-itu dapat di-betulkan. Tuan Pengerusi, di-dalam Pechahan Kepala 44, muka 161, ada pemberian sa-banyak \$5,500,000 kepada Sekolah Pelajaran Lanjutan, dan ada pemberian kepada Pelajaran Menengah Teknik sa-banyak \$1,170,000.

Di-dalam Sekolah Pelajaran Lanjutan ini saya chuba mengeshorkan kepada Menteri Yang Berhormat sementelah-nya pemereksaan sedang di-lakukan oleh-nya atas shor Jawatankuasa yang menimbangkan soal ini yang akan mengemukakan shor-nya kepada Yang Berhormat itu. Saya kemukakan bahawa di-dalam menimbangkan ini hendaklah di-fikirkan juga kemungkinan menjadikan sekolah itu sa-buah saluran persekolahan yang membolehkan orang mendapat pelajaran L.C.E. Kita tahu, Tuan Pengerusi, bahawa Sekolah Lanjutan adalah mengambil murid yang telah lulus 6 tahun dalam persekolahan-nya, tetapi malang-nya mendapat hanya (C)—darjah (C) di-dalam pelajaran-nya dan mereka telah tidak berkesempatan dan tidak di-bolehkan untuk melanjutkan pelajaran mereka ka-Sekolah Menengah. Mereka di-sedut oleh Sekolah Pelajaran Lanjutan, maka dari apa yang saya ketahui bahawa mereka itu di-berikan pelajaran² yang biasa di-berikan kepada Sekolah Menengah itu sendiri, bagi dua tahun dan sa-sudah itu mereka di-berhentikan dari sekolah mereka dengan tidak di-beri sijil peperiksaan dan sa-bagai-nya. Dengan tidak mahu membahathkan tiori meletakkan (C) sa-bagai saluran menyedut kepada Sekolah Lanjutan, saya fikir oleh kerana tujuan kita hendak memberi keahlian kepada sa-orang ra'ayat

yang maseh muda dan kechil untuk bertapak di-dalam pelajaran academy-nya dan kehidupan yang umum-nya, elok-lah di-beri peluang kepada mereka itu untuk mengambil peperiksaan L.C.E. dengan menambah sa-tahun lagi di-dalam pelajaran mereka itu.

Tuan Pengerusi, terputus-nya pelajaran mereka ini daripada aliran pelajaran biasa menengah ada-lah satu perkara yang telah melakukan dengan mengisikan grade mereka, tetapi oleh kerana mereka telah di-beri peluang juga di-dalam pelajaran lanjutan, maka oleh yang nyata kepada kita sa-kiranya di-biarkan mereka ini dengan tidak di-beri peluang sa-kali lagi untuk memasoki peperiksaan L.C.E. maka akan habis-lah riwayat academy dan habis-lah tapak hidup mereka bagi masa hadapan. Saya rasa ada-lah menjadi kewajipan kepada Kerajaan supaya memberi peluang lagi kepada mereka itu. Tuan Pengerusi, perkembangan watak dengan kecherdekan dan perkembangan fikiran sa-orang ada-lah kadang² pada peringkat² yang berlainan, maka sudah pada tempat-nya kita i'tirafkan pandangan ini dan oleh itu beri-lah peluang kepada mereka, terutama apabila kita fikirkan bahawa mereka yang masuk dalam darjah (C) kebanyakan-nya ada-lah orang² Melayu, dan mereka yang ada di-dalam Sekolah Lanjutan ada-lah orang Melayu, dan memutuskan peluang bagi mereka itu tidak di-ingin oleh sa-siapa pun. Saya fikir, Tuan Pengerusi, hal ini patut-lah di-fikirkan oleh Kerajaan ini.

Tuan Pengerusi, di-dalam hal perkembangan pelajaran tinggi di-dalam negeri ini, Anggaran Belanjawan ini telah menunjukkan penambahan pemberian kepada Universiti Malaya. Muka 165, Pechahan Kepala 103. Saya suka kepada perkembangan saperti ini. Adalah baik kita mempunyai sa-buah Universiti yang besar dan memberikan pelajaran tinggi, tetapi yang menghairankan kepada saya, peruntukan kepada Kolej Islam Malaya ada-lah satu perkara yang saya gemar sangat menyebutkan-nya di-dalam Dewan ini tidak berubah. Tuan Pengerusi, sa-tahun sa-tengah dahulu Menteri Pelajaran yang lalu di-dalam bertukar²

cherita di-Dewan ini telah menyebutkan kapada saya kemungkinan menjadikan Kolej Islam itu untuk di-bawa kapada taraf Universiti. Boleh jadi bangunan-nya akan di-fikirkan, saya tidak tahu, tetapi dari apa yang di-tunjukkan oleh peruntukan ini nyata-lah bahawa Kolej Islam Malaya ini akan di-jadikan alat pengeluar guru² sekolah rendah dan sekolah menengah Kerajaan di-dalam bahagian agama.

Tuan Pengerusi, bagi sa-buah negeri saperti negeri kita ini pada pandangan saya sudah sampai masa-nya kita bertegas² supaya pelajaran Islam di-pertingkatkan, bukan sahaja di-ratakan supaya dapat di-dalam negeri ini terwujud sa-buah universiti Islam yang bukan hanya sa-buah universiti yang membahathkan sudut² agama, tetapi ilmu kemasharakatan dan pandangan hidup yang terpanchor daripada asas² agama itu sendiri. Ini banyak hubong-nya, Tuan Pengerusi, dengan kehidupan ra'ayat di-negeri ini yang di-datangi oleh pengaroh² luar di-dalam kebudayaan-nya dan chara² hidup-nya. Bagi mengwujudkan satu benteng positive dan constructive dan bertenaga pengaroh² luar hanya dapat di-kawal dengan fahaman² keugamaan dan akhlak yang mendalam.

Mr Chairman: Itu sudah masuk pada dasar 'am.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Saya shorkan . . .

Mr Chairman: Kalau sedikit saya benarkan, tetapi jangan banyak.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang patut di-perbanyakkan pelajaran selain daripada agama di-dalam negeri ini ia-lah akhlak. Saya tahu, Tuan Pengerusi, di-dalam syllabus yang di-bawah perhatian Penasihat Pelajaran negeri ini tentu-lah bagi orang Islam ada buku² Islam dan pengajaran² Islam-nya, tetapi bagi sa-tengah mereka yang tidak ada mempunyai agama yang tersendiri pada pandangan saya patut di-shorkan syllabus Kerajaan pelajaran akhlak yang chukup terator dan mendalam supaya negeri ini terkawal daripada keliaran² akhlak yang di-bawa oleh pengaroh² yang datang dari luar itu.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pelajaran merasa bahawa peruntukan yang besar yang di-berikan-nya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka ini ada-lah satu tangga kemajuan yang baik. Saya menyokong apa yang di-fikirkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, dan di-samping itu perterjemahan² yang di-lakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi pembachaan anak² sekolah kita, terutama dari bahasa Arab dan, kalau boleh daripada bahasa Urdu hendak-lah termasuk kepada daerah kesusasteraan, sebab kita maseh menunggu masa bagi membolehkan bahasa kita menerbitkan hasil² kesusasteraan sendiri. Sementara ini oleh kerana tugas Kementerian ini hendak meninggikan taraf pengajaran dalam bahasa kebangsaan, maka jalan yang baik bagi-nya ia-lah dengan menterjemah hasil² kesusasteraan yang hidup—saya katakan hidup bukan hasil kesusasteraan yang lama sahaja yang pada masa ini di-rasakan kesan²-nya di-negeri² berbahasa asing itu seperti buku² yang di-tulis oleh ahli² novel di-negeri² Arab dan di-India. Dengan ada-nya pembachaan seperti itu walau pun sa-chara terjemah, maka perkembangan intellect bagi mereka yang telah habis pelajaran menengah untuk pergi ka-pelajaran universiti akan dapat di-pupok dan di-baja. Hal ini, Tuan Pengerusi, saya harap akan dapat di-pertimbangkan dengan halus-nya oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Enche' Lee Siok Yew (Sepang): Mr Chairman, Sir, I would like to refer to page 164, Sub-head 91, *Maktab Pertanian, Serdang*. Sir, the Agricultural College in Serdang is the only College to train qualified agriculturalists in this country, but the amount of money was reduced from \$543,020 to \$529,713 and I really regret very much to see that the amount of the provision for this College so reduced.

Mr Chairman, Sir, as we know, Malaysia is an agricultural country; it depends on rubber, palm-oil, copra, padi and other food crops. Further we have many students who cannot get admission into that College and,

as a consequence of this, parents spend a lot of money sending their children to Australia or New Zealand to study agriculture. In fact, Sir, we should expand the Serdang College by way of providing more rooms (to accommodate more students in this College) and more facilities. If possible, we should construct more new agricultural colleges in other States—in Johore, Pahang or Perak.

Sir, once again I say that I regret very much this item of provision has been reduced. Therefore, I hope the Honourable Minister concerned will reconsider the matter and, if possible, in the very near future, to try to get more money to establish schools of this type in the various parts of the country.

Now, Mr Chairman, Sir, I have a reply to make—although I was not here this morning—to the Honourable Member for Batu. He quoted some statement which I made in the press, saying that I went to the Honourable Minister's office banging the table and demanding this and that. Mr Chairman, Sir, I had already given the correction to this issue.

I am very proud to say here that the M.C.A. has been fighting for the raising of the school-leaving age from twelve to fifteen, which is already stated in the Rahman Talib Report. However, there is something which the M.C.A. as a whole is not satisfied in regard to the implementation of the Rahman Talib Report. Therefore, it is the duty of the M.C.A. to tell the Government that this sort of misinterpretation should be corrected.

Mr Chairman, Sir, today, perhaps, the Socialist Front is fighting for its survival because the elections are coming very soon. Therefore, it will try its very best to make use of all sorts of untrue allegations against the M.C.A., and I now challenge the Member for Batu go back to his own constituency in 1964 election, and I am sure the people will ask him what he has done and what has been said by him in this Honourable House.

Sir, I think, the Honourable Minister will reply to whatever allegations that

have been made. The Minister himself will bear witness that I have not gone to his office and banged the table in front of him.

Mr Chairman, Sir, some speakers from the P.M.I.P. have said, "bangsa-bangsa asing". The term "bangsa-bangsa asing" if interpreted in English means foreigners. Sir, we are not foreigners. We are the citizens of Malaysia. We were born here and we will die here. Sir, this sort of nonsensical and unparliamentary words should not be used, and I challenge the P.M.I.P. to contest any election at any level at any place where the Chinese, Malays, Indians are living together as brothers and sisters. The result of the by-election in the Muar Utara constituency goes to prove clearly that the P.M.I.P. is finished. (*Applause*) Thank you.

Enche' Tan Tsak Yu (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I was deeply impressed by the speech of the Honourable Minister of Education on the expansion and progress made in the field of education in Malaya. As this is a Malaysian Budget, the same degree of interest and attention should be given to the other Malaysian territories, particularly Sarawak, in this very important branch of the social services.

Education has always been a controversial subject in a plural society like ours. However, if the policy is properly implemented and the problem is tackled from the right angle, things will become easier for all concerned. We in Sarawak had been lagging behind in education under the then Colonial Government. But, now that we are in Malaysia, every help and assistance should be given to us to enable us to catch up with Malaya and Singapore.

Mr Chairman, Sir, I would like to refer to Head S. 67AA, Sub-head 1, item (3), Assistant Director of Education. May I know the need for the creation of such a post? Is it to be filled by one of the expatriates, or by a local officer, who knows the local conditions and the educational problems confronting the people in Sarawak? If the latter is the case, I

would support this item. However, it should be borne in mind that the Chinese schools in Malaysian territories present special problems and there is no exception in Sarawak. Therefore, when this appointment is made, this specific need should be taken into consideration.

Mr Chairman, Sir, I would refer again to Head S. 67AA, Sub-head 11, Grants to Schools. The sum provided here is inadequate to give free primary education to every child of school-going age. At present in Sarawak only about 65 per cent of children of school-going age can find places in schools. The remaining 35 per cent have no chance of being admitted into schools until 1968, when there will be a place in the Primary I class for every child. After a lapse of five years, these unfortunate children will be too old to be admitted to primary schools then. Sir, I cannot emphasise too strongly the need for free primary education in Sarawak, and I suggest this amount should be increased accordingly.

Next, I refer to Sub-head 25, Teacher Training Scheme Allowance. Sir, in order to train sufficient teachers to meet the needs on account of the expansion of education in Sarawak, a teacher training scheme should be devised: firstly, to train new teachers and secondly to train serving teachers. Regarding the training of new teachers, we look to Malaya and Singapore for assistance, as there are higher institutions available in these two territories. Regarding the training of serving teachers, I think it can be done locally in Sarawak. At present large numbers of serving teachers in Sarawak are untrained, but they have had considerable experience. Before the war, the highest class taught in Chinese schools in Sarawak was the Junior Middle, and students of this class were eligible to register as teachers. According to the present arrangement of the Education Department in Sarawak, as soon as trained teachers from the Sibn Training Centre are available, these untrained teachers are replaced, although they have not yet reached the retiring age. This has created a

sense of insecurity among the teaching profession in Sarawak, and I think it is unreasonable and too harsh for the serving teachers. I suggest that a teacher training scheme for serving teachers similar to the normal training in Singapore be adopted for Sarawak.

Mr Chairman, Sir, I would like to refer to Sub-head 26, Trade School. It appears that this School is still in its experimental stage, and I would like just to read out one paragraph from the Sarawak Annual Report of 1962 concerning this Trade School. It says:

"A Trade School has now been established, at present in temporary premises, providing 2½-year course in carpentry and joinery for trainees of junior secondary standards. Further courses in mechanical engineering, workshop practice, and electrical installation are planned for 1963."

There were only 12 trainees for 1962, and even for this year the number is doubled—it is 24. According to what is planned, it will not meet the needs under the present circumstances. The intake of Government and Government-aided schools in Sarawak is about 30 per cent for secondary schools, the remaining 70 per cent of primary six leavers will have to find places in private schools, where fees are high, and as a result many of the primary school leavers are being turned out from schools year by year, roaming the streets, finding themselves nothing to do, as they are too young to seek employment. This has created a very serious social problem in Sarawak. In Malaya there will be a crash programme for primary school leavers. In Singapore, the scheme is more ambitious—to give 10 years free education for every child. However, it is felt that in Sarawak some sort of post-primary education should be provided. Therefore, Mr Chairman, Sir, I would suggest that this item under Trade School be extended to provide vocational and secondary technical training for primary six leavers. Thank you.

Enche' Tan Cheng Bee (Bagan): Mr Chairman, Sir, I must congratulate the Member for Sepang for having said, "We have done what we have done," and I am sure, if the need arises, we

(the M.C.A.) will be prepared to fight for the cause of Chinese education. As he has said just now, that what the Opposition had said about the M.C.A. always supporting the Education Policy without putting up any protest is really wrong.

Sir, I now refer to page 161, Sub-head 44, *Pemberian Bantuan Terkanun*, i.e. Statutory Grants-in-aid. Sir, I have a letter here from the Chief Education Officer, Penang, in reply to an application from the Chung Hwa Public School, Prai, for a school building grant. The reply is to the effect that the capital grant cannot be granted to a school which has not yet accepted full assistance. Sir, it is indeed regrettable that with our policy of giving free primary education to children of school-going age, there still exists in a little corner of the Federation, a primary school which is not giving free primary education to children who are legitimately entitled to it. I know the Ministry might reply to me to say that this is probably the only school in the Federation, and that it was not granted full aid in 1961 because the building did not conform with the requirements of the Ministry. Sir, let us face the facts fairly and squarely. When this school applied for a grant to put up a school building, the School Board was told by the then Chief Education Officer, Mr Halliday, that it should try to get a site for the school building as early as possible before it could get the grant for a school building. In spite of the small Chinese population in that town, the Board of Management eventually collected donations totalling nearly \$10,000 from the Chinese public, and bought up a site for the school. When they wrote to the Chief Education Officer—I think it was last year—the reply received was what I have just read out. Sir, a promise was made by a very responsible officer, i.e. the then Chief Education Officer, Penang, to the School Board at that time. I am sure, Sir, that promise is still binding whether or not that Chief Education Officer is still here. I feel, Sir, the Chief Education Officer cannot say that he is not aware of the facts, as I

have told him more than once. If he cannot trust my word as a member of the now defunct State Education Board, I am sure he could refer to the official in the Department who had acted as Secretary of the State Education Board. Sir, one must realise that the withholding of this full grant-in-aid to the school there would totally make the teachers in the school unqualified to join the Unified Scheme; and any teacher working under such conditions would really feel his position insecure in school. I do not see how one can expect much efficiency from the teachers if they labour under such setbacks. Sir, before things get worse in this school, I would appeal to the Minister of Education to try to give this school the full aid. I hope he will be able to give this school full aid next year, thereby really implementing the Education Policy of giving free primary education to children in all schools. Sir, I think this is the only primary school left without full aid in the whole of the Federation of Malaya.

Sir, another thing I would like to mention concerns the buildings of the national type primary schools. I am sure that in Province Wellesley there are many national type primary schools which are housed in very poor buildings and I would request the Ministry to look into them—especially the Tamil Primary School at Prai, which is being housed in a disused railway quarters. I am sure that the school occupied this building for many years and it is high time that that Tamil Primary School got a new building. I make this request because I know that the majority of the residents in the Prai township are Indians, and an appeal was made to the Government at the civics course held on Saturday night at Prai where many of the speakers there requested that a new building be provided for the Tamil school at Prai.

Sir, there has been much discontentment among the Chinese schools over the positions of their headmasters and the senior assistants of the schools. Sir, many schools still have the position of their headmaster unconfirmed and I would request the

Minister to look into this matter as many complaints have come from these school teachers that their positions as headmasters and senior assistants have not been confirmed by the Ministry. Mr Chairman, Sir, I have here the case of one of the headmasters who has been teaching for nearly 20 years in the Butterworth Chung Wah School Branch No. 1. I was told that he was the headmaster since 1958 and that he has had over 20 years service. When the Board recommended him for confirmation to the Ministry that recommendation was turned down. In this respect I would refer the Ministry of Education to a Girls' school in Penang which is of the same category. Now this school has a headmistress with similar qualifications as the Headmaster of Chung Wah School and I was told that she was confirmed as headmistress without making any advertisement in the papers. I might say here, Sir, that this is the thing which is likely to cause much grief and pain among the teaching staff when the Education Department discriminates among teachers. I would ask the Minister to look into this and remove any cases of discrimination over this matter.

Sir, coming to the Chinese secondary schools which have accepted Government aid, I remember that when these schools were asked to accept Government aid their Boards were told that the headmasters and staffs would be given the same salary that they were drawing before they accepted Government aid. I was told, Sir, that the Jit Sin Secondary School, Bukit Mertajam, has a headmaster who had his salary reduced from \$800 to \$560. When the school accepted Government aid in 1961 the Ministry of Education reduced his salary after having gone through his qualifications and found that he graduated from Oklahoma in America. In 1962 the Ministry of Education again thought that he did not qualify to receive that already reduced salary and subsequently again reduced his salary. Sir, how on earth can a headmaster tolerate such a state of affairs? I was told that the school board had to use much persuasion to

keep him in the school. Sir, I hope that before it is too late and before the Jit Sin School loses this headmaster to other schools the Minister of Education will try to step in and reinstate his salary. Not only does this happen to the headmaster, but I was told that a few of the teachers who were drawing much higher salaries were treated as temporary teachers when the school received Government aid and as a result they are now drawing the salary of temporary teachers in spite of the fact that they are qualified teachers. I hope the Minister will also look into this before much discontentment occurs in the school.

Sir, another grave source of discontentment among the Chinese School Boards is the withholding of payments for wages for clerical and manual staff. Although time and again the schools were told that they were entitled to those payments, yet in many schools the emoluments of these clerks and manual labourers have never been paid. In Jit Sin School, Bukit Mertajam, I was told that the payments under this Head are still outstanding for two years and the total sum is over \$14,000. I trust, Sir, that the Minister will look into this and effect an early settlement of these sums of money, so that the Board could carry on the administration of the school more efficiently.

Sir, I was talking about the High School, Bukit Mertajam, when I was interrupted by you. I said that the High School has declined very badly. As a member of the school board I know that the High School was one of the best secondary schools throughout the Federation and I am sure many of the educationists and High School old boys would regret to learn that the school has now declined to such a state. The reason is that there has been many changes of teachers very recently. I think, Sir, that this decline is also due to the fact that changes of teachers are made much too often, especially in the High School. I am a Member of the Board, and I have expressed much concern over too frequent changes—especially teachers in Form IV and Form V. Many senior teachers live in

Penang and travel daily to schools, and you can judge, Sir, how these teachers could spare some time giving additional attention to students in their studies.

Another setback, Sir, is the appointment of the Headmaster for the school. Sir, in 1962, the Board of Governors was told that the High School is one of the schools where the Headmaster must come from teachers in the Unified Scheme, and as a result the Board was told to advertise in the papers inviting applications for this post. The Board accordingly made the necessary advertisement, and many applied. One of the selected teachers had started work and preferred to remain in Kuala Lumpur rather than go over to Province Wellesley. The Chief Education Officer, Penang, who attended the meeting, when the Board interviewed the applicants, advised the Members on the eligibility of some of the applicants; but when the Board decided to appoint one of the applicants, the Minister turned down the decision of the Board. Now, Sir, after one and a half years, the school is still without a permanent Headmaster, as the present Headmaster is a Government servant, and he knows that he will not be there for long and that he will be transferred at any time when a Unified Scheme teacher is appointed. So, a state of uncertainty prevails in the School—and I am sure this is also partially the cause of the School's decline. I hope that the Minister will try to tackle this problem of Headship as soon as possible.

Sir, in these modern days, education has taken a much greater stride than before. It is essential, therefore, for secondary schools to at least have a Higher School Certificate class. There are no schools anywhere in Province Wellesley which prepare boys or girls for the Higher School Certificate; and even in spite of the request by the High School Board since 1960, nothing has yet been done to provide the High School with a H.S.C. class. I know of many boys in Province Wellesley who left the secondary schools in Province Wellesley in order to join Penang schools, so that they could go for

further studies. Sir, I would appeal to the Minister of Education to consider providing a H.S.C. class for the Bukit Mertajam High School, because this will not only take in boys from the High School but would take in boys from secondary schools in Butterworth, in Nibong Tebal, in Parit Buntar, and in Kulim. I hope, Sir, that this H.S.C. class would be arranged, if possible, at the beginning of next year, to prevent more children from leaving secondary schools in Province Wellesley for schools in Penang. Sir, thank you.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan):

Tuan Pengerusi, saya menyokong dan mengalu²kan peruntukan Kementerian Pelajaran yang mana peruntukan Kementerian ini ada-lah yang terbesar sa-kali di antara Kementerian² bagi tahun 1964 ini. Memandangkan kapada besar-nya tanggung-jawab Kementerian ini, maka rayuan-nya supaya di-tambah lagi patut-lah di-beri pertimbangan yang istimewa. Tuan Pengerusi, dalam membincangkan peruntukan ini saya berchakap pada muka 141 berkenaan dengan Bahagian Pelajaran Lanjutan. Saya mendapat tahu bahawa pelajaran lanjutan ini akan di-semak sa-mula. Saya minta di-antara pelajaran² dalam sekolah lanjutan itu masukkan-lah pelajaran perniagaan. Saya dapati kawan kita orang Tionghua chukup giat melateh anak²-nya berusaha dan berniaga dari kechil lagi, tetapi, Tuan Pengerusi, anak² kita hanya di-serahkan ka-sekolah rendah dan sekolah menengah. Saya minta pelajaran berniaga ini di-beri sa-chukup²-nya, sama ada laki² atau perempuan hendak-lah di-beri semangat berniaga dengan sa-penoh²-nya, di-suntik betul² dalam hati dan jiwa-nya, bukan-nya dengan membacha buku² sahaja, tetapi dengan perbuatan, ia-itu di-sekolah² itu di-adakan alat² berniaga, dan buka sa-buah perniagaan kechil saperti menjual dan membeli barang² ransom atau alat² sekolah, tunjukkan segala jenis sukatan dan timbangan, kenalkan segala jenis mata-wang dan chara² menyimpan buku² dengan kemas serta di-samping itu di-ajar pula menaip. Pelajar berniaga hendak-lah di-sediakan

asrama khas untuk mereka, mereka di-ajar tata-tertib berniaga, mengator barang² dengan baik dan kemas dan chara² menarek dan melayan pembeli² serta amanah dan menepati janji. Pelajaran yang sa-umpama itu, Tuan Pengerusi, akan betul² menolong pelajar² Melayu itu berniaga apabila mereka keluar dari sekolah kelak, sunggoh pun dengan modal yang kechil, tetapi saya perchaya latehan yang saperti itu akan di-sambut dengan baik oleh ibu-bapa Melayu yang chenderong berniaga yang tidak tahu bagaimana chara-nya hendak berniaga.

Sekarang saya hendak berchakap Bahagian Latehan Guru di-muka 141 juga, Tuan Pengerusi. Ramai guru sementara yang lulus Tingkatan V dari sekolah² menengah jenis kebangsaan yang telah di-ambil oleh Kerajaan menjadi guru sementara dan di-berhentikan apabila dapat guru² yang terlateh. Saya berasa kasehan dan saya minta pandangan dan timbangan Kerajaan supaya guru² wanita yang sementara yang sudah berlateh mengajar itu di-beri latehan bekerja di-mana yang menasabah kebolehan-nya saperti jadi Penyelia Sekolah Dewasa atau di-masokkan ka-dalam Maktab Latehan Guru, maka guru² laki² yang tidak lagi di-kehendaki tidak-lah kira-nya di-berhentikan, tetapi beri-lah peluang supaya dapat berkhidmat dalam lapangan pembangunan luar bandar yang luas itu.

Sa-lain daripada itu saya hendak berchakap berkenaan dengan asrama di-muka 158. Tuan Pengerusi, perkara asrama ini boleh di-katakan saya telah berchakap berulang² kali, khas-nya asrama² di-Maktab Perguruan Wanita Melayu, asrama sekolah² menengah kebangsaan atau jenis kebangsaan. Tuan Pengerusi, saya minta supaya di-adakan kursus atau latehan khas kapada wanita² yang chenderong menjadi ketua asrama atau matron, terutama sa-kali daripada wanita Melayu yang terpelajar dan ada pengalaman perchamporan yang sihat dan biasa berumah tangga. Penuntut² wanita yang tinggal di-asrama itu berkehendakkan sa-orang ketua atau ibu yang betul² tahu menjaga hati,

perasaan dan kechenderongan penuntut yang tinggal di-asrama itu. Tempat penuntut² itu mengadu kesusahan dan kerumitan hidup di-asrama itu. Ketua asrama mahu-lah baik segala tutor kata, gerak-geri dan chara² perchamporan yang sihat supaya menjadi tauladan kepada penuntut². Kita telah mendengar bermacam² aduan di-surat²-khabar yang telah memberi fikiran berkenaan dengan akhlak dan perchamporan di-Maktab Perguruan dan di-Asrama Sekolah² Menengah. Tuan Pengerusi, kalau-lah pandangan, rayuan dan permintaan saya tadi di-perkenankan, Insha allah perkara² yang tidak di-ingini tidak akan berlaku lagi di-asrama penuntut² wanita Melayu, bahkan penuntut² yang tinggal di-asrama universiti di-dalam atau di-luar negeri tidak-lah dapat di-selewangkan oleh apa juga champoran dan dugaan, sebab penuntut² itu telah tahu dan ingat masa tinggal di-asrama sekolah² menengah dahulu. Chontoh tauladan dan ajaran yang telah di-suntekkan kepada pelajar² itu akan menolong mereka itu. Kita berharap biar-lah ramai anak² perempuan Melayu dapat meneruskan pelajarannya hingga ka-universiti.

Tuan Pengerusi, dalam pengalaman saya, anak² perempuan yang akan masuk belajar di-sekolah² menengah hingga ka-universiti patut-lah di-adakan satu peratoran dalam borang masuk belajar itu ia-itu tidak boleh bertunang, berjanji, apa lagi berkahwin nikah gantong supaya hati dan jiwa mereka itu bulat betul² menghadapi pelajaran² sa-mata² dengan tidak di-sampok-auk oleh fikiran lain, terutama fikiran menuju asmara. Sekian-lah, terima kaseh.

Enche' Abdul Razak bin Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya menguchapkan tahniah kepada Kerajaan dan saya menyokong atas peruntukan Kementerian ini, tetapi dalam pada itu pun, saya suka menyentuh sedikit satu dua perkara yang saya fikir boleh mendapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya menguchapkan terima kaseh, kerana pada tahun ini penuntut² yang masuk ka-sekolah² menengah ada-lah lebih tinggi peratusnya daripada tahun yang lalu, dan

kalau kita bandingkan pada tahun 1961 ia-lah 16%, tahun 1962 ia-lah 32% maka pada tahun ini daripada khabar yang saya dengar dan saya faham ada lebih daripada tahun yang sudah. Ini menunjukkan kesusahan dan kesulitan pelajaran² anak² Melayu di-dalam sekolah² kebangsaan untuk masuk peperiksaan ka-sekolah menengah yang mana telah dapat di-atasi, walau pun angka kemajuan itu tidak begitu mengembirakan kita, tetapi usaha ini telah bertambah daripada sa-tingkat ka-satingkat. Ini satu tahniah yang patut saya kemukakan kepada Kementerian Pelajaran dan lebih² lagi kepada Yang Berhormat Menteri sendiri.

Sa-lain daripada itu, kita tahu bahawa baharu² ini Kementerian Pelajaran telah pun meluluskan satu perubahan berkenaan dengan gaji pada guru² yang telah lulus daripada peperiksaan F.M.C. ia-itu sama gajinya dengan guru² yang lulus School Certificate dalam bahasa jenis kebangsaan. Tetapi, sa-belum itu, saya menguchapkan tahniah juga, kerana ini satu perubahan yang besar yang di-buat di-antara Kementerian Pelajaran dengan kakitangan-nya, ia-itu dapat mengatasi satu masalah yang sa-lama ini di-pandang rumit pada fahaman guru² yang telah lulus dalam peperiksaan F.M.C. itu, tetapi apa yang menjadi patut di-timbangan lagi, ia-itu guru² yang lulus F.M.C. ini, kalau ta' salah ingatan saya sudah hampir 2,000 orang ramai-nya, maka syarat-nya apabila mendapat perubahan gaji yang sama dengan guru² sekolah Inggeris ia-itu di-mula² daripada \$310 bagi guru² yang telah lulus daripada F.M.C. ini, maka mereka mesti-lah melalui kursus L.I. atau Perguruan Bahasa, maka baharu-lah tingkat naik tambahan gaji tahunan itu di-jalankan. Jadi, ini saya fikir patut-lah Yang Berhormat Menteri ini menimbangkan sa-mula kepada chara yang lebih baik, ia-itu kita boleh naikkan gaji-nya itu mengikut yang sa-patut-nya, tetapi pada satu masa tingkatan itu kita boleh tahan, pada tingkat yang kurang akhir, atau tingkat yang akhir, kita tahan dia supaya jangan di-penohkan gaji-nya mengikut

gaji scheme baharu ini, sa-hingga dia telah lulus daripada Perguruan Bahasa, atau L.I. ini, kerana kita tahu hari ini ada sa-ramai 2,000 orang guru² yang telah lulus L.I. sedangkan L.I. sendiri boleh menyanggopi hanya 200 orang guru pada tiap² tahun. Jadi, tentu-lah akan memakan masa sampai 10 tahun lama-nya jikalau kita buat perhitungan yang mana semua guru² itu baharu lulus dari L.I. maka baharu-lah mereka dapat scheme gaji yang bertambah mengikut peruntukan yang ada sekarang ini. Jadi, kalau sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan perkara ini, saya fikir kenaikan itu boleh di-naikkan, chuma di-buat syarat pada masa yang akhir, tingkat yang akhir itu di-pertahankan sa-hingga dia lulus L.I. Dengan hal yang demikian, tidak-lah ada guru² yang kadang² boleh jadi sa-lepas bersara dia tidak dapat kenaikan, sa-kali pun dia lulus F.M.C. ini, dan perkara ini saya minta Yang Berhormat Menteri ini menimbangkan, dan di-perbetulkan, jikalau kita masuk kepada jalan, maka masalah itu kita boleh timbangan bersama. Walau macham mana pun, saya suka-lah juga Yang Berhormat Menteri ini sendiri mengkaji kenaikan gaji guru² Melayu yang ta' lulus di-mana², yang saya fikir perkara ini sudah ada dalam ma'aluman, dan saya harap perkara ini dapat di-baiki dan di-atasi lebeh chepat lebeh baik.

Sa-lain daripada itu, saya juga menimbangkan di-atas kesulitan² Yang Berhormat Menteri ini yang mesti di-hadapi dan di-tempohi lebeh² lagi dalam masalah negeri kita sekarang ini sudah menempoh satu perkembangan negara dan kerja² Yang Berhormat Menteri ini ada-lah sa-bagai Menteri Pelajaran yang meliputi di-Malaysia ini. Maka dengan hal yang demikian, tentu-lah dalam masa keadaan negeri kita dan negara kita yang berlainan, jadi saya berharap supaya dasar pelajaran yang telah kita tetapkan ini akan dapat di-jalankan dengan baik dan menepati pada waktu dan tingkat-nya, kerana kita tahu bahawa usaha² yang kita adakan hari ini ia-lah untuk menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan

yang rasmi dalam negeri ini, menjadikan bahasa kebangsaan persekolahan, bahasa yang tunggal dalam bidang pelajaran kita pada masa akan datang. Maka dalam menghadapi masalah ini, kita harap Yang Berhormat Menteri ini tetap dengan pendirian-nya, berpegang pada dasar yang telah di-putusan dan kalau boleh menchari helah lebeh chepat kita gunakan, dan kita usahakan saya fikir lebeh baik. Saya tidak sa-kali² membawa perasaan kemelayuan, dan saya hadir di-sini ia-lah sa-bagai sa-orang Malaysian.

Kita tahu sekarang ini di-Singapura satu bentuk dasar pelajaran yang berlainan, dan negara sahabat kita ia-itu negeri Sabah dan Sarawak ada-lah menanti pada waktu yang sa-patut-nya dasar ini di-jalankan, sedang kita di-sini akan menjalankan pada tahun yang telah di-tetapan. Ini-lah yang saya katakan kerumitan yang menempoh pada diri Kementerian Pelajaran dan kepada mereka² yang bertanggung-jawab dalam Kementerian itu. Oleh yang demikian, saya minta dan saya yakin dan perchaya bahawa perkara ini boleh di-buat, jikalau kita tegas dalam melaksanakan pelajaran kebangsaan kita ini, umpama-nya bagaimana chara-nya kita boleh membiakkan pelajaran bahasa kebangsaan dan bagaimana kita boleh menurunkan sedikit sekolah² jenis kebangsaan supaya yang satu ini makin turun, dan yang satu lagi makin naik. Jadi, dengan jalan itu, dapat-lah kita menjalankan dengan sa-penoh-nya dasar Pelajaran yang telah kita putuskan pada masa yang telah lalu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya berjangkit pada masalah Pechahan Kepala 103—Universiti Malaya, muka surat 165. Saya tidak hendak menyentuh pada keseluruhan perbincangan saya mengenai Universiti Malaya ini, tetapi kita tahu bahawa pada tahun ini kita telah menempatkan penuntut² dalam bahasa kebangsaan ia-itu di-Sekolah Alam Shah sana yang menggunakan bahasa pengantar-nya Melayu yang menjadi tangga untuk menjadikan penuntut² itu masuk dalam universiti kebangsaan kita dalam tahun² yang akan datang. Kita harap apabila keadaan penuntut² ini makin

bertambah dari sa-tahun ka-satahun, tentu-lah masaalah Maha² Guru kita itu harus di-adakan pada hari ini, dan kita mulakan usaha mengadakan-nya pada tahun yang kahadapan ini, sebab kita minta kebetulan pada waktu penuntut² ini lulus masok ka-tangga universiti kebangsaan, maka Maha² Guru bahasa Melayu itu sudah ada. Jadi, saya shorkan pada Yang Berhormat Menteri, sungguh pun boleh jadi ada chadangan yang lebeh concrete dari-nya, tetapi masaalah gaji ini-lah yang patut di-sesuaikan, layanan yang lebeh baik harus di-beri kapada Maha² Guru yang sanggup mengajar bahasa kebangsaan dalam universiti kebangsaan kita itu. Sa-bagaimana pengalaman kita dalam soal kedoktoran di-Tanah Melayu ini di-mana kita kekurangan doktor dengan sebab masaalah gaji mereka kurang, mereka itu lari, ini pun harus menjadi pertimbangan Yang Berhormat Menteri. Kita harus menyediakan satu tangga gaji yang lebeh baik, layanan yang lebeh baik kapada Maha² Guru yang sanggup mengajar bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan dalam universiti kita supaya apabila tiba masanya, kita tidak ada sangkut menyangkut lagi, kita tidak ada tertahan lagi, tidak ada karinah yang boleh menyebabkan terhenti-nya niat dan usaha baik ini, dan ini saya minta supaya Yang Berhormat Menteri akan mengambil pandangan dalam masaalah ini.

Sa-lain daripada itu saya hendak menyentoh, Tuan Pengerusi, ia-itu di-muka 164, Pechahan Kepala 94—Bulan Bahasa Kebangsaan. Dalam peruntokan tahun yang dahulu dengan tahun yang akan datang ini sa-rupa sahaja tidak bertambah dan tidak kurang. Tetapi kita mesti-lah faham oleh sebab Bulan Bahasa Kebangsaan atau Minggu Bahasa Kebangsaan ini di-buat di-seluruh negeri kita. Jadi kita harus mengkaji perkembangan ini kapada jalan yang lebeh baik. Pada hemat saya, Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah di-buat pada tahun yang baharu lalu ini; jangan-lah di-marahkan tetkala saya hendak memahami bahawa merusut kemajuan-nya daripada tahun² yang sudah. Sambutan daripada orang Melayu

sendiri pun kurang apa-tah lagi sambutan daripada orang yang bukan Melayu. Jadi kita mesti-lah menchari jalan dan saya shorkan supaya ditubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa menyiasat apa sebab-nya kita mundor yang sa-patut-nya kita lebeh improve kemajuan-nya daripada satu masa ka-satu masa. Dalam masaalah ini juga saya minta kapada Menteri Yang Berhormat itu, Singapura sendiri ada membuat Bulan Bahasa Kebangsaan. Jadi apa salah-nya kalau Menteri Yang Berhormat ini berunding dengan negeri Sabah dan Sarawak supaya mereka juga membuat Bulan Bahasa Kebangsaan walau pun pada akikat-nya itu soal negeri tetapi kita hendak-lah satukan—pergi ka-arah yang satu, apa salah-nya kita mulakan bertapak dari sekarang.

Kemudian saya berjangkit kapada masaalah Pechahan Kepala 102—Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya tidak hendak menyentoh semua sa-kali masaalah ini, chuma saya hendak menyentoh Pejabat Penterjemah dalam Dewan Bahasa itu. Pada masa yang sudah² buku² yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kebanyakan-nya buku² yang di-untokkan di-sekolah² rendah. Buku² bagi bacaan umum sangat kurang dan buku² bahasa kebangsaan bagi darjah² sekolah menengah di-sekolah jenis kebangsaan pun begitu juga. Jadi saya minta-lah Menteri Yang Berhormat ini menarek perhatian dalam masaalah ini. Buku² pengetahuan dalam bahasa kebangsaan di-darjah² sekolah menengah memang kurang. Lebeh² lagi saya shorkan kalau dapat kita terjemahkan buku² pengetahuan yang berbahasa Inggeris itu di-terjemahkan ka-bahasa Melayu. Mengeluarkan dengan banyak buku² saperti pada hari ini itu pun satu usaha yang baik bagi sekolah rendah dan bacaan umum saperti novel itu dan novel ini dan membahagi hadiah itu dan hadiah ini. Saya puji, itu ada-lah usaha menggalakkan pengarang² kita mengeluarkan atau menulis lebeh baik lagi novel² untuk di-bukukan. Tetapi apa yang kita tahu buku² pengetahuan di-sekolah² menengah maseh kekurangan. Jadi kalau usaha ini kita dapat, kita tambah pada

tahun akan datang saya fikir usaha ini akan dapat berjaya lebeh² lagi kita akan menghadapi satu masalaah besar apabila penuntut² Melayu di-sekolah menengah itu bertambah yang menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar Melayu berkehendakan buku pengetahuan. Kita harap supaya perkara ini boleh di-atasi pada masa yang akan datang lebeh² lagi apabila University menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar kita di-wujudkan. Kita harap bukan sahaja kita ambil buku² daripada negeri² sa-belah sini tetapi usaha² yang lebeh kuat patut kita galakkan dan kita harus ambil. Saya fikir perkara ini boleh jadi ada dalam pengetahuan Yang Berhormat bila mana dia menjawab ucapan saya nanti tetapi biar-lah saya ingatkan kapada beliau dahulu sa-belum dia menjawab apa yang saya katakan tadi.

Kemudian, saya berjangkit kapada Pechahan Kepala 111, di-muka 165—Buku Pelajaran Untuk Sekolah Kebangsaan. Saya menguchapkan terima kaseh kerana pada tahun ini bertambah peruntokan-nya daripada tahun dahulu. Jadi bila bertambah itu banyak-lah buku² akan di-buat. Tetapi saya harap kalau dapat pada tahun hadapan kita tambahkan lagi, supaya saya dapat menguchapkan dua kali terima kaseh.

Yang akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, saya berjangkit kapada masalaah asrama. Dalam Pechahan Kepala 44, muka 161, ada di-chatitikan di-sini dalam para (4) Pemberian kapada Sekolah Menengah Asrama \$2,978,495. Saya tidak faham mungkin ini peruntokan kerana membuat asrama atau peruntokan kapada yang lain² sebab perkataan itu umum pada hemat saya. Hanya saya ingatkan; saya telah berchakap fasal asrama ini di-dalam Dewan yang dahulu, berhubong dengan kawasan saya sendiri supaya di-dirikan sa-buah asrama perempuan di-sana. Saya minta ma'af menyebutkan perkara, Menteri Yang Berhormat mengatakan tidak sampai permintaan itu kapada-nya tetapi sa-panjang yang saya siasat perkara ini ada dalam ma'aloman Menteri Pelajaran. Perkara asrama sekolah menengah Inggeris Kuala Lipis, Tuan

Pengerusi, saya minta ma'af; kita ini mewakili ra'ayat untok berchakap di-sini dan saya mengemukakan perkara ini supaya dapat pertimbangan daripada Menteri Yang Berhormat kerana itu ada-lah sa-tengah daripada Khidmat wakil ra'ayat, tidak mengira apa party pun, walau pun berlaga sama sendiri tidak apa dalam masa kita memperjuangkan hak ra'ayat yang sa-patut-nya. Dewan ini telah mengetahui kerana saya telah berchakap akan susah payah-nya tetapi saya minta timbangkan-lah untok tahun yang datang sa-kali lagi pun, tidak apa; kalau boleh tahun ini saya berterima kaseh-lah banyak². Budak² yang menghadziri sekolah mungkin bertambah banyak. Pada masa yang akhir ini Tuhan telah jadikan orang perempuan lebeh bijak. Lebeh banyak yang cherdek daripada lelaki dan yang masuk sekolah pun lebeh banyak daripada murid lelaki. Jadi kalau kita siasat kelulusan murid² perempuan tidak jauh bedza-nya daripada kelulusan murid² lelaki, kadang² hampir sa-imbang, alam telah memberi tempat bagi-nya. Jadi kalau sa-kira-nya murid² perempuan hampir banyak atau hampir sama dengan murid² lelaki, maka patut-lah di-dirikan sa-buah asrama di-Kuala Lipis itu. Kesulitan ini saya tidak hendak berchakap dalam Dewan ini, kerana Dewan ini telah mema'alomi perkara itu.

Tetapi kesulitan itu saya fikir, lebeh² di-Kuala Lipis, yang berakit ada, yang bukan rakit pun ada, yang kehilir rakit ada, yang jalan kaki ada. Kalau kita dapat timbangkan Asrama Perempuan bagi Sekolah Menengah Lipis itu saya terima kaseh. Kalau tidak dapat tahun ini, saya minta timbangan tahun hadapan, kerana saya kata kalau tidak dapat tahun ini, tahun hadapan, saya takut peruntokan ini ada pada negeri² lain yang telah di-tetapkan, jadi, itu-lah harapan saya dan rayuan juga supaya di-timbangkan dengan baik-nya.

Akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, saya terpaksa berchakap sedikit ia-itu tentang rumah guru², kalau dapat peruntokan rumah tinggal guru² itu dapat di-buat, tidak kira kelas 8 atau kelas 9, asalkan ada chukup-lah, bukan-lah ma'ana-nya guru² itu chukup

menerima seperti itu, tidak, tetapi guru² itu insaf tanggung-jawab Kerajaan, tetapi kalau rumah tidak ada, macham mana kita hendak bekerja dengan baik, rumah tinggal kochar kachir. Oleh itu saya minta-lah supaya menimbangkan rumah² guru² itu, bukan dalam kawasan saya, tetapi keseluruhan-nya juga, kerana pekerjaan yang baik itu hanya di-dapati daripada layanan yang baik, tetapi yang sa-lama ini tidak-lah saya napikan bahawa rumah² guru ada di-buat, tetapi kalau dapat di-lebuhkan sedikit, lagi lebeh baik. Saya fikir itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, akhir-nya saya menyokong dengan sa-penoh-nya peruntukan Kementerian Pelajaran ini supaya diluluskan. (*Tepok*).

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:

(*Dungun*): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian dalam soal Bulan Bahasa Kebangsaan ia-itu muka 64 Pechahan Kepala 94. Di-dalam soal Bulan Bahasa Kebangsaan ini tiap² tahun Kerajaan mengeluarkan wang berpuluh² ribu ringgit tetapi, Tuan Pengerusi, nampak oleh saya hasil-nya tidak memuaskan, kerana hanya kegiatan² berlaku pada masa Bulan Bahasa Kebangsaan itu di-jalankan, ada-lah di-adakan pertandingan² sharahan² daripada murid² sekolah bangsa asing, dan pegawai² di-pejabat² pada hari itu berbahasa Kebangsaan-lah. Pada akhir² ini Tuan Syed Nasir bin Ismail sendiri sangat meradang, sebab ada lagi sepandok² yang bertulis dalam bahasa penjajahan ia-itu bahasa Inggeris. Jadi, itu menyatakan sokongan atau jiwa yang jujur yang mahu menjadikan bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan dalam negeri kita ini dari saudara² bangsa asing maseh belum nampak lagi. Tadi sudah kita lihat dan sudah kita dengar di-dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi, salah sa-orang rakan kita Yang Berhormat sa-belah sana ia-itu ahli M.C.A. mentafsirkan bangsa asing sahaja dan dia belum faham lagi, marah dia, barangkali Yang Berhormat dari Bachok tadi berchakap menyatakan bangsa asing, kita bukan bangsa asing, kita beranak di-sini, kita ada-lah orang di-sini, kata-nya, maka bertepoklah saudara² saya orang² Melayu dari pehak Perikatan. Saya merasa hairan

entah apa yang di-tepokkan-nya kerana agak-nya naik semangat dari saudara² kita bangsa Melayu. Bangsa asing pengertian-nya bagi kita dalam Tanah Melayu ini ia-lah orang yang bukan Melayu, saudara² yang di-dalam M.C.A. bangsa asing, saudara² dari M.I.C. bangsa asing, saudara² yang lain yang bukan Melayu ada-lah erti-nya bangsa asing, ini menyatakan bahawa saudara daripada pehak M.C.A. itu yang beria² mengatakan dia-lah orang yang hendak memperjuangkan kebangsaan kita di-dalam tanah ayer kita, tetapi dia sendiri sampai hari ini sudah bertahun² Bulan Bahasa Kebangsaan di-adakan tidak mengerti apa-kah erti bangsa asing, sampai dia meradang dan marah kalau orang dari PAS di-sini dan ketawa pula orang Melayu dari Perikatan

Enche' Chan Chong Wen: On a point of Order—36 (1).

Mr Chairman: It is quite all right. Please proceed.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Terima kaseh, Tuan Pengerusi, sampai di-bawa-nya kapada Dewan ini dengan mengatakan lihat Pilehan Raya Muar Utara, sa-betul-nya Muar Selatan, dahulu kalah parti PAS, menang Perikatan. Memang, Tuan Pengerusi, memang kami aku² Perikatan menang, tetapi di-sini saya mengatakan kami dari PAS lebeh menang dalam Pilehan Raya Muar Selatan lagi, kerana kalau PAS tidak masok bertanding dengan senang sahaja Perikatan menang, dan lebeh daripada \$40,000 sudah terkurban kerana kami masok bertanding, tetapi kami mengeluarkan hanya beberapa ratus ringgit sahaja untuk perbelanjaan poster

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Apa hendak di-bangkitkan lagi soal menang kalah itu, sudah aku kalah kalah-lah (*Ketawa*).

Mr Chairman: Ada dari pehak di-sini menyatakan angka kalah itu, yang saya tidak membenarkan ia-lah menyebut perbelanjaan \$40,000 itu, itu ada-lah sudah menyalahi, kita pun tidak tahu berapa banyak perbelanjaan itu yang sa-benar-nya.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Terima kaseh. Itu pentafsiran saya, Tuan Pengerusi. Dan, Tuan Pengerusi, sa-hingga Menteri² Perikatan memakai ia-itu di-dalam mengadakan kempen bermacam² masaalah, ia-itu masaalah-nya . . .

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Mengikut Standing Order 36 (1) perkara itu tidak timbul.

Mr Chairman: Saya fikir tidak payah di-chakapkan perkara itu, berchakaplah perkara yang bersangkutan dengan dasar perkhidmatan yang hendak di-utuskan wang itu. Berkenaan dengan peruntukan Pilehan Raya sudah habis.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Jadi saya mengatakan Parti Perikatan menang dan PAS juga menang dalam chara moral.

Sekarang saya meneruskan ucapan saya di-dalam soal bahasa kebangsaan. Tuan Pengerusi, di-dalam soal ini pehak Kerajaan hendak menjadikan pelajaran bahasa kebangsaan di-dalam tanah ayer kita ini mula² tahun 1967 akan di-jalankan dengan penoh. Saya harap sungguh supaya apa yang telah di-tetapkan dahulu itu akan kita jalankan dan jangan dapat di-gonchang² lagi walau pun ada perubahan sekarang, ia-itu dalam masa membuat dasar itu kita berada dalam Persekutuan Tanah Melayu dan hari ini kita sudah berada dalam Malaysia. Tuan Pengerusi, saya rasa sa-patut-nya pehak Kementerian ini tidak menerima lagi murid masok Darjah 1 untuk jenis kebangsaan, jadi Darjah 1 jenis kebangsaan itu di-jadikan pelajaran sekolah kebangsaan. Jadi, beransor² hilang jenis kebangsaan apabila sampai tahun 1967 dan seluruh-nya akan menjadi sekolah kebangsaan sampai kapada matlamat perjuangan kita ia-itu hendak menjadikan pelajaran seluroh tanah ayer kita ini dalam bahasa kebangsaan, tetapi sampai sekarang belum kita jalankan perkara yang saya chakapkan ini. Oleh itu, saya minta kapada pehak Kementerian memikirkan soal ini ia-itu mula² dari tahun 1964 tidak-lah lagi menerima murid untuk Darjah 1 dalam sekolah jenis

kebangsaan, tetapi kita mula² dengan darjah sekolah kebangsaan. Ma'ana-nya, dari Darjah II atau III itu terus-lah dengan pelajaran jenis kebangsaan-nya dan tahun hadapan dengan sendiri sekolah itu menjadi sekolah kebangsaan yang tulin. Saya juga minta supaya sekolah menengah jenis kebangsaan tidak di-adakan lagi, jadi dari sekolah menengah jenis kebangsaan itu juga darjah yang mula² itu di-jadikan kebangsaan, jadi beransor² hilang jenis kebangsaan-nya dan menjadi sekolah kebangsaan yang penoh, Tuan Pengerusi.

Sa-bentar tadi saya berasa terharu dan terperanjat apabila mendengar salah sa-orang rakan kita di-dalam Dewan ini ia-itu Yang Berhormat dari Penang Utara, kalau saya tidak salah, dengan semangat yang penoh Yang Berhormat itu mendesak kapada pehak Kementerian supaya di-tambah masa atau jam pelajaran bahasa Inggeris di-dalam sekolah rendah China, kata-nya, di-tambah jam bahasa Inggeris dengan tidak mengurangkan jam bahasa China. Kalau begitu jam pelajaran bahasa mana yang mesti di-kurangkan? Maka terpaksa mesti di-kurangkan jam pelajaran bahasa Melayu ia-itu Bahasa Kebangsaan kita. Pada pendapat saya Yang Berhormat itu menegakkan bahasa penjajah untuk menjadikan bahasa yang utama di-sekolah² China di-dalam negeri kita ini, dan ini adalah pengkhianat kapada Bahasa Kebangsaan di-dalam negara kita, Tuan Pengerusi.

Enche' Hasan bin Mansor (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, on a point of order 35 (1). Sa-tahu saya dalam Dewan ini ada sa-orang sahaja, Tuan Pengerusi, bukan dua. Segala ucapan hendak-lah di-arahkan kapada, Tuan Pengerusi, bukan di-sini.

Mr Chairman: Dia minta ucapan puan itu arahkan kapada saya.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Ahli Yang Berhormat itu nakal (*Ketawa*). Dalam Dewan ini ada budak nakal . . .

Mr Chairman: Proceed.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, sudah nampak pada

kita sekarang akan hal itu, dan pada masa yang lalu tulisan daripada wartawan Alex Josey di-dalam beberapa majallah di-luar negeri, saya ada satu majallah di-sini ia-itu Far Eastern Economic Review di-mana ada tulisan Alex Josey yang mengatakan:

"In the middle of the month Mr Lee Kuan Yew and perhaps 11 fellow P.A.P. and three Opposition Members of Parliament will made their bows in the new and large Federal Parliament in Kuala Lumpur. There Mr Lee Kuan Yew poses on the people's mandate will speak for Singapore, and in so doing speak for 4½ million overseas Chinese in Malaysia."

Jadi kata-nya, Mr Lee Kuan Yew berchakap dalam Dewan ini dengan suara 4½ juta China di-saberaang laut, sedangkan bahasa yang di-jalankan dalam pelajaran di-Singapura itu berbagai bahasa (multi-lingulism) dan mementingkan bahasa Inggeris khas-nya. Jadi kalau sa-kira-nya mengikut pendapat Alex Josey ini saya rasa Alex Josey ini ada-lah satu pengkhianat yang besar kapada bahasa dan bangsa Melayu di-dalam tanah ayer kita ini, tetapi tindakan tidak di-ambil ka-atas beliau. Kalau sa-kira-nya Yang Berhormat Perdana Menteri Singapura mewakili 4½ juta bangsa China sa-berang laut dalam Dewan ini berapa orang yang di-wakili oleh beliau . . .

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, on a point of order 36 (1). Saya hendak tahu dalam kepala berapa Yang Berhormat itu berchakap?

Mr Chairman: Puan itu berchakap bersangkut-paut dengan bahasa dan mengkaitkan yang Perdana Menteri Singapura mewakili orang China. Kalau puan berchakap sedikit sahaja saya benarkan.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Rupanya orang Melaka ini semua nakal. Tuan Pengerusi, ini menyatakan di-sini sa-sudah penyiaran daripada Alex Josey, maka terjadi-lah berbagai masalah dalam soal bahasa.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Maktab Perguruan di-Melaka. Di-sini saya ada satu potongan surat-khabar, Tuan Pengerusi, ia-itu Puan Lim, Yang di-

Pertua-nya telah beruchap dalam bahasa Inggeris dan beliau beruchap sa-patah dua dalam bahasa kebangsaan, kata-nya, kalau penuntut² sekolah ini hendak maju hendak-lah gunakan bahasa Inggeris. Puan Lim ini Guru Besar Maktab Perguruan di-Melaka, maka isteri Ketua Menteri Melaka, Enche' Abdul Ghafar Baba, marah. Ini semua pengkhianat bangsa yang ada dalam sekolah² di-negeri kita ini. Perkara ini mesti di-awasi oleh pehak Kementerian. Saya rasa sa-bahagian besar pengkhianat² itu, kalau sa-kira-nya tadi di-tujukan kapada sa-belah Pembangkang (Opposition) di-sini, maka saya mengatakan di-dalam pehak Kerajaan sa-bahagian besar ada juga pengkhianat bahasa kebangsaan di-dalam tanah ayer kita ini.

Mr Chairman: Nampak-nya sudah banyak membahathkan perkara itu. Puan hendak-lah tumpukan ucapan puan mengikut Peratoran Meshuarat 66 (11) bersangkut dengan dasar perkhidmatan yang hendak di-untokkan wang itu. Jangan-lah berchakap banyak lagi berkenaan dengan bahasa itu.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Saya merasa soal bahasa ini penting. Tuan Pengerusi, itu-lah sebab-nya maka saya ambil perkara ini, kerana ini ada-lah berthabit dalam soal education, erti-nya dalam soal Kementerian Pelajaran dan ini bersangkut dengan apa yang telah saya bachakan tadi ia-itu dari sa-orang Pengetua Maktab, kerana itu ada-lah bersangkut dengan soal pendidekan, maka sekarang saya teruskan. Tuan Pengerusi, saya berharap dalam soal bahasa kebangsaan kita ini, sa-bagaimana yang telah di-seru oleh Tuan Syed Nasir, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, ia-itu hendak-lah pehak Kementerian Pelajaran dalam soal ini jangan-lah bertolak² ansor lagi, di-tolak² ansor kesudahan-nya kita masok jurang kebelakang. Jadi, saya juga menguatkan di-sini tentang dasar pelajaran yang sudah kita tetapkan, hendak menegakkan bahasa kebangsaan kita mulai dari tahun 1967 akan tetapi kita hendak-lah jalankan, walau pun kita sekarang sudah besar, orang² yang baharu masok itu ia-itu saudara² kita

yang baharu masok yang kechil² itu hendak-lah bersatu dengan kita, kerana kita yang menjadi pusat, maka mereka harus tunduk kepada kita dan hendaklah di-jadikan pada keseluruhan-nya Malaysia ini melakukan pelajaran bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa yang terutama, atau yang rasmi di-sekolah².

Tuan Pengerusi, sa-sudah itu, saya pergi pada muka 161, Pechahan Kepala 45—Pemberian untuk Pengajaran Ugama di-Sekolah Rendah, Sekolah Pelajaran Lanjutan dan Sekolah Menengah yang di-bantu. Dalam peruntukan untuk pelajaran ugama ini, Tuan Pengerusi, saya mengalu²kan dan kalau dapat di-tambah lagi, itu lagi bagus, kerana pelajaran ugama ini, baik di-sekolah² rendah, atau sekolah² menengah mahu pun sekolah² lanjutan hatta sampai ka-universiti sa-kali pun, pelajaran ini-lah yang akan dapat menguatkan keperibadian anak bangsa kita supaya mereka itu jangan tersesat langkah, jangan dengan mudah di-pengarohi oleh aliran² kebudayaan² asing yang bermacam² chorak, ada yang puteh, ada yang kuning, ada yang merah yang masok ka-dalam tanah ayer kita ini. Dalam soal ini, Tuan Pengerusi, baharu² ini, saya ada ter-jumpa di-beberapa buah kampung ia-itu rayuan daripada orang² kampung, salah satu daripada-nya ia-lah rayuan daripada penduduk² dalam Ranchangan F.L.D.A. di-Kong Kong, Johor Bahru. Di-sana, guru² ugama hanya sa-orang sahaja, sedangkan darjah-nya ada tiga empat, kalau saya tidak salah, murid-nya beratus² banyak-nya sa-hingga ibu bapa mereka merasa gelisah, kerana tahun hadapan ini kata-nya murid² baharu tidak di-terima untuk sekolah ugama, kerana tidak cukup tempat dan guru-nya pun tidak ada. Jadi, saya minta-lah kepada pehak Kementerian ini supaya mengambil perhatian lebeh² lagi di-ranchangan² luar bandar, bukan hanya di-Kong Kong itu sahaja, tetapi juga di-mana² sahaja di-seluruh tanah ayer kita ini, kerana mereka yang tinggal di-ranchangan² luar bandar itu ada-lah sa-olah² terasing jauh-nya daripada masharakat kita, dan mereka itu sangat susah hendak keluar dengan

ketiadaan kenderaan, dan juga kerana ibu² bapa mereka itu sibok bekerja pergi di-ladang² untuk mengusahakan ladang²-nya, hidup-nya dengan bagus mengikut atoran² daripada pegawai² di-sana. Sa-sudah itu, Tuan Pengerusi, saya pergi kepada bahagian sekolah rendah. Dalam soal ini juga, bagi anak² yang tinggal dalam ranchangan luar bandar itu, ada rayuan daripada ibu bapa mereka itu, kerana mereka tidak ada mempunyai cukup wang untuk membeli buku² bagi anak²-nya. Jadi, kalau sa-kira-nya pehak Kementerian ini dapat memberi keistimewaan bagi anak² mereka yang ada dalam ranchangan² luar bandar itu ia-itu dengan apa jalan sahaja, itu terserah-lah kepada pehak Kementerian untuk memberi bantuan yang berupa wang, atau memberi bantuan yang berupa buku². Mereka meminta kepada saya, kalau sa-kira-nya tidak dapat dari pehak Kementerian ini, tolong-lah minta dengan jalan lain ia-itu dengan jalan Pejabat Kebajikan Masharakat.

Jadi, saya nampak, Tuan Pengerusi, memang keadaan hidup daripada ibu bapa mereka yang tinggal dalam ranchangan luar bandar itu sangat-lah jauh bedza-nya, tidak cukup untuk mempunyai anak² mereka, kadang² ada di-antara-nya yang mempunyai anak sampai tujuh lapan orang, kalau sa-kira-nya satu dua orang itu, barangkali maseh mampu lagi. Jadi, dalam soal ini, saya juga merayu, membawa rayuan daripada orang² itu kepada pehak Kementerian Pelajaran dalam Dewan ini.

Sekarang saya pergi kepada Butiran (2)—Menteri Muda Pelajaran. Jawatan Menteri Muda Pelajaran ini, saya mendesak di-sini kepada pehak Kerajaan dan kepada Menteri Pelajaran yang ada pada hari ini supaya lekas di-adakan Menteri Muda Pelajaran yang terdiri daripada orang Melayu sa-bagaimana pada masa yang sudah². Sa-kira-nya Menteri Pelajaran itu terdiri daripada orang Melayu dan Menteri Muda Pelajaran-nya juga terdiri daripada orang Melayu, sebab sudah heboh di-luar, ia-itu dari pehak M.C.A. yang sudah menuntut supaya jawatan Menteri Muda Pelajaran ini di-ambil daripada orang M.C.A. Saya

rasa, kerana Perikatan harus hendak menjalankan dasar keadilan, tetapi kalau dasar keadilan ma'ana-nya tiap² Menteri itu hendak-lah tiga—satu orang Melayu (UMNO), satu dari M.C.A. dan satu lagi dari M.I.C. Kalau dua sahaja pun maseh tidak adil, Tuan Pengerusi. Jadi, saya berharap sa-bagaimana yang biasa hendak-lah di-adakan Menteri Muda itu daripada orang Melayu supaya kerja², ranchangan² untuk meleakaskan perlaksanaan bahasa kebangsaan itu dapat di-jalankan dengan kemas, dengan lebeh terator, kerana kalau Menteri Muda Pelajaran ini terdiri daripada orang Melayu, dia lebeh mengetahui dan lebeh dalam 'ilmu pengetahuan-nya dalam bahasa ibunda-nya sendiri.

Muka surat 164, Pechahan Kepala 97—Siswa di-Sekolah Pembena Semangat, peruntokan di-sini ada sa-banyak \$21,000. Saya merasa peruntokan ini harus di-lipat-gandakan lagi, kerana siswa di-sekolah pembena semangat ini harus makin sa-hari makin bertambah banyak. Tuan Pengerusi, kenapa maka saya berkata begitu, ia-lah kerana keadaan kechiwa anak² Melayu yang tidak dapat meneruskan persekolahannya ka-sekolah² menengah yang mana berpuluh² ribu tidak dapat masuk ka-sekolah² lanjutan kampung, atau lanjutan² yang lain, maka mereka itu terbiar menjadi pengukur jalan, ka-hulu ka-hilir, ka-hilir ka-hulu dengan tidak ada mendapat pendidekan dan pelajaran selanjut-nya. Jadi, mereka² ini-lah nanti yang akan di-ambil yang akan bertambah banyak lagi siswa² dalam sekolah pembena semangat ini, sebab baharu² ini ada dua tiga orang anak² yang maseh berumur di-antara 13-14 tahun kerana tidak terkawal lagi oleh ibu bapa-nya di-rumah—ibu bapa-nya itu bukan tidak dapat mengawal anak²-nya, tetapi oleh kerana ibu bapa-nya pada pagi² hari dia sibok pergi memotong getah, si-ibu-nya pula dengan jualan kueh-nya, maka si-anak ini terbiar-lah, di-suroh dia ka-sana, dia pergi ka-lain tempat, terbiar mengikut aliran kawan yang sa-baya dan sudah nakal dengan dia.

Pergi-lah mereka ka-pasar sambil berjalan kadang²; ya, mereka ingin

hendak makan, duit tidak ada, kalau orang itu leka, limau dan pisang di-pasar itu di-kaup-nya. Dari mula sadikit demi sadikit, kadang² pada malam hari kebun² orang di-masok-nya, pokok rambutan, ubi kayu orang di-jual oleh anak² itu. Ada kedapatan mereka pergi di-tepi² laut bila hari² minggu waktu orang mandi di-tepi laut itu; barangkali agak sudah lichin segala-nya mungkin di-antara anak² macham ini ada yang mengajar-nya kerana mereka juga ada mempunyai komplot, Tuan Pengerusi. Maka ada sampai yang menchuri wang orang beratus ringgit sa-hingga dapat di-tangkap. Bila di-tangkap mereka itu di-bawa oleh Polis dan di-adakan-lah pemereksaan akhir-nya masok ka-Maktab Pembena Semangat. Jadi, Tuan Pengerusi, hasil daripada pelajaran ia-itu naik darjah dengan tidak di-pereksa—chara automatic ini-lah banyak siswa² di-Sekolah Pembena Semangat. Sebab itu saya merasa kebanyakan ibu² yang tidak berdaya lagi anak²-nya terbiar sahaja kadang² berkata bagus. Kalau sa-kira-nya anaknya sudah masok mithal-nya di-Sekolah Pembena Semangat di-Melaka itu, Tuan Pengerusi, ibu bapa merasa lega tidak lagi menjaga anak² itu. Kadang² waktu malam tidak balek ka-rumah. Mereka sudah mengetahui anak-nya ada sekolah Pembena Semangat itu. Kehidupan anak²-nya terjaga—makan minum di-jaga dengan baik dan mendapat didekan dengan kemahuan anak² itu sendiri sa-olah² sekarang timbul perasaan orang² kampung lebeh baik anak²-nya buat jahat supaya dapat masok ka-Sekolah Pembena Semangat. Dengan jalan ini anak-nya akan bertambah 'ilmu pengetahuan. Jadi kalau kita mengatakan automatic system—naik darjah itu, Tuan Pengerusi, sa-olah² Kerajaan mahu merosakkan roh dan jiwa raga anak² kita dari umur 13 tahun ka-atas. Dan sudah itu apabila anak itu menchuri kita tangkap dan masokkan ka-dalam Sekolah Pembena Semangat. Di-dalam Sekolah Pembena Semangat ini bagus, lepas itu anak² ini kalau dia tahu music dan apabila habis tempoh-nya bila dia keluar di-charikan kerja oleh Kerajaan mengikut aleran-nya. Jadi anak² yang masok ka-Sekolah Pembena Semangat

ini selamat. Oleh sebab yang demikian, saya merayu atau meminta kepada pihak Kementerian ini banyakkkan-lah lagi ia-itu peruntukan untuk Sekolah Pembinaan Semangat, mungkin saya rasa anak Melayu tidak akan ka-mana kerana Sekolah Pembena Semangat ini akan menampung anak² kita orang Melayu. Orang² kita tidak ada duit untuk memasukkan anak-nya ka-private school. Berpuluh² ringgit wang sekolah sahaja bahkan beratus² ringgit, kalau anak itu sudah naik ka-Form I dan II untuk perbelanjaan buku, Tuan Pengerusi.

Sekarang saya akan berchakap dalam muka 161—Pemberian Bantuan Terkanun (1) Pemberian kepada Sekolah Rendah. Tuan Pengerusi, di-sini saya juga suka mengemukakan kepada pihak Kementerian supaya membanyakkkan lagi Sekolah Rendah perempuan. Kadang² anak² perempuan terpaksa menumpang di-Sekolah² Rendah lelaki atau di-tempat lain kerana agak-nya jauh daripada tempat mereka. Mithal-nya, di-Mersing Kampong Ayer Merah, di-situ tidak berapa jauh dari bandar, anak² pergi sekolah itu lebeh kurang dekat satu atau dua batu ka-Bandar Mersing. Balek ka-rumah malam, kadang² pukul 6 atau lebeh, kata ibu bapa-nya. Jadi ibu bapa mereka was² Sekolah Rendah lelaki ada dekat, tetapi Sekolah Rendah perempuan tidak ada. Bagi anak² perempuan tidak chergas kalau melintas jalan. Saya berharap pihak Kementerian supaya mengambil perhatian juga di-dalam soal ini.

Tuan Pengerusi, di-dalam soal Sekolah Lanjutan. Anak yang tidak dapat masuk ka-Sekolah Menengah kebanyakan ibu bapa ingin anak²-nya meneruskan pelajaran-nya kerana mereka mengetahui kalau masuk ka-Sekolah Lanjutan apa hasil yang akan di-terima oleh si-anak itu belum dapat di-ketahui lagi. Jadi mereka itu berpendapat bahawa masuk ka-Sekolah Lanjutan itu hanya untuk membuang masa sahaja. Oleh sebab itu walau pun sakit, bergolok dan bergadai chara menjual barang² terpaksa mereka memasukkan anak²-nya ka-sekolah saudagar atau private school. Di-dalam sekolah saudagar ini, Tuan Pengerusi,

tidak ada satu sekolah saudagar berchorak. sekolah kebangsaan, seluroh-nya saya ketahui jenis kebangsaan. Ada banyak di-dirikan oleh pihak Convent daripada bahagian pengembang ugama Kristian dan orang kita lebeh suka memasukkan anak²-nya ka-sekolah itu kerana pelajaran di-sekolah itu di-kawal dan di-jaga oleh Pengetua sekolah itu dengan chara yang sunggoh². Tetapi di-dalam sekolah itu, Tuan Pengerusi, anak² kita itu dalam pelajaran history atau ilmu sejarah selalu-nya soal perkembangan Kristian-lah yang di-bacha oleh anak² kita itu. Jadi di-dalam soal ini saya merasa kalau kita hendak menjadikan negeri kita ini dengan pelajaran bahasa kebangsaan bahasa rasmi, sekolah kebangsaan yang menjadi teras yang utama dasar kebangsaan di-tanah ayer kita ini, juga. Saya merasa sekolah² private itu hendak-lah di-jadikan sekolah kebangsaan. Kalau sa-kira-nya tidak boleh di-teruskan kita adakan pula sa-bagaimana saya minta tadi melalui darjah yang pertama tahun hadapan mereka tidak mengadakan lagi kelas jenis kebangsaan, tetapi hendak-lah di-adakan darjah sekolah kebangsaan. Sebab kalau dasar kebangsaan itu berjalan di-dalam sekolah private itu, saya juga minta supaya Kementerian ini mengawal sekolah² saudagar ini. Kadang² bulan ini masuk sa-orang guru, bulan depan dia sudah pergi meneruskan pelajaran-nya dan di-gantikan pula dengan guru lain sa-hingga pelajaran anak² di-dalam sekolah private itu kuchar kachir dan bahasa kebangsaan ada yang tidak betul sudah boleh mengajar. Jadi terbiar-lah sahaja nampak-nya kebanyakan sekolah² private di-dalam tanah ayer kita ini. Saya rasa ada kawalan daripada Menteri Pelajaran. Saya dapati anak² yang belajar di-sekolah² private itu banyak yang merungut kata-nya, tidak belajar dengan betul, masuk darjah tidor sahaja, kadang² tulis di-papan hitam, guru-nya pergi ka-sana ka-mari, erti-nya tidak mengawal murid² itu. Kita mengharapkan anak kita itu pandai masuk kesana mudah²an dapat lulus L.C.E. dan dapat masuk kembali ka-sekolah Kerajaan. Tetapi sa-kira-nya dengan chara demikian pelajaran

yang di-terima-nya di-dalam sekolah saudagar itu tentu-lah harapan ibu bapa dan anak² itu sendiri akan kechiwa, hanya duit habis tetapi hasil tidak di-perolehi oleh mereka itu. Tuan Pengerusi, saya rasa chukup-lah satakat itu dan saya ucapkan terima kaseh.

Enche' Too Joon Hing (Telok Anson): Mr Chairman, Sir, I would like to speak on sub-head 6 Belanja Peperiksaan on page 159 and sub-head 44 Pemberian Bantuan Terkanun. I wish to speak on these two sub-heads not with the view of criticising but rather to bring forth the views that have been expressed by the public lately on our system of examinations and our national system of secondary education. As this would be the last budget meeting of this House, I would take this opportunity to bring this to the notice of the Alliance Government, particularly the Minister of Education, as a sort of friendly warning towards our national secondary schools as enforced now under the Education Act, 1961. Sir, there has always been controversy in regard to the way how the Chinese secondary schools have been treated. The Member for Pulau Pinang Utara this morning already expressed in this House certain feelings of dissatisfaction regarding the Chinese primary and secondary schools. He was saying that parents refused to send their children to Chinese primary schools and he asked that equal opportunity be given to the students who come out from the Chinese secondary schools. However, Sir, our nation is a nation of plural society and, as such, we have got to provide a system of national education so as to meet the needs, desires and aspirations of all the communities.

Sir, when introducing the Budget the Finance Minister said that education is an investment in future prosperity and happiness, and we heard this morning from the Member for Pulau Pinang Utara charging the Opposition for using education as a political issue. But I say, Sir, if the education policy and system is not satisfactory it will turn out to be a political issue, unless of course everybody is happy and

prepared to accept it. Sir, the Alliance, particularly the M.C.A., has always claimed that the national secondary education system at present in force is adequate to safeguard the culture and education of the non-Malays in this country. Is this the truth and is it the actual fact? Sir, I intend to bring up certain expressions from the public to show that the people are dissatisfied with the present system of education.

Sir, I have got here with me a memorandum. Actually this memorandum was submitted to the Permanent Secretary, Ministry of Education, from the Federation of Kwantung Association, Malaya, and the letter addressed to me requests me particularly to bring up this to the attention of the Minister. Now, what are the resolutions in the Kwantung Association memorandum? The first one reads as follows:

"That the students who have failed to pass the examination at the end of the sixth year in primary school be permitted to remain in the same school for one more year to study."

The second resolution says:

"That there should be an annual examination from the first to the sixth year for students in primary schools."

The third resolution reads:

"That as far as possible the number of students to be promoted from primary school to secondary school should not be limited to only 30 per cent of students who have passed their primary school examination."

The fourth resolution is that:

"That the criterion of passing the examination for promotion for students from the primary school to the secondary school should be that all the important subjects are to be taken into consideration. The failure in only one subject should not automatically result in failure of the whole examination."

And then the fifth one:

"That the cost of building for approved national type school should be the responsibility of the Government."

This is one of the things that has been submitted to me by the Kwantung Association.

Sir, I have here another statement from the *Straits Times* dated 2nd December, 1963: "The Chinese schools heading for extinction". Now this is

a memorandum put up by certain school organisations for the consideration of the Penang M.C.A. education committee. Now, I have here cuttings from the *Kwong Wah Press* and the *Sin Chew Press*, both of the same date, and I would just like to give a translation of their headings. The *Sin Chew Press* says: "Penang M.C.A. Education Review Sub-committee at the Chinese Chamber yesterday invited the cream of educationists to contribute valuable opinion concerning present educational problems." The *Kwong Wah Press* headline says "Penang M.C.A. Education Sub-committee con-

vene educationists for discussion to review Chinese education problems." And what were the things discussed?

Mr Chairman: The time is up. House resumes.

House resumed.

Mr (Deputy) Speaker: Honourable Members, I have to report that the Supply Bill, 1964 in Committee has progressed up to Head S. 15. The House is adjourned till 10 a.m. tomorrow.

Adjourned at 8 p.m.